



Ringgit menjunam, politik gawat

MATAWANG negara terus mencatatkan kejatuhan mendadak apabila berada pada paras RM4.24 untuk satu dolar Amerika Syarikat, pada 25 Ogos lalu dan ia adalah prestasi terburuk dalam tempoh 17 tahun.

Selain itu, politik negara turut menjadi topik hangat apabila ramai pihak tampil mempersoalkan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang ter-

palit dengan pelbagai kontroversi.

Antaranya, isu 1Malaysia Development Berhad serta wang 'derma' RM2.6 bilion yang masuk ke dalam akaun beliau dan masih gagal diselesaikan, bahkan keputusan Najib mengganggu siasatan kes penting turut dipertikaikan.

Berita lanjut di muka surat 2

Tampuk kuasa jangan keluar 'kata-kata bodoh'

SHAH ALAM - Pengerusi Kumpulan CIMB, Datuk Seri Nazir Razak mahu pihak yang memegang tampuk kuasa berhenti mengeluarkan 'kata-kata bodoh' supaya tidak menjejaskan pemulihan ekonomi negara.


Beliau memuat naik sekeping gambar arca lembu yang rebah untuk menggambarkan keadaan pasaran lemah dan melontarkan persoalan sama ada ia sudah mati, pada 25 Ogos lalu.

"Mati atau cedera? China akan tentukan," tulis adik Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak itu ketika menyentuh berhubung pasaran baru.

Nazir berkata, ringgit sepatutnya didagangkan sekitar 3.70 berbanding satu dolar Amerika Syarikat (AS) berdasarkan asas semasa namun sentimen pelabur menggeluncurkan matawang tempatan melangkaui paras itu.

Katanya, penganalisis bank jangka berdasarkan wajaran dagangan baru-baru ini, pergerakan ringgit seharusnya berlegar pada paras 3.70 untuk setiap dolar AS.

"Jika pakar ekonomi kita betul, wujud pengurangan nilai sekitar 10 peratus yang berkemungkinan disebabkan sentimen," katanya kepada pemberita di Sidang Kemuncak Majalah The Economist Asia Tenggara, baru-baru ini.



Elak bergantung import

Kukuh sektor pertanian dan makanan

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan patut memperkukuh sektor makanan dan pertanian negara supaya tidak bergantung kepada import sepenuhnya.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata kebergantungan bekalan makanan import memberi kesan buruk dan membebaskan rakyat jika berlaku krisis ekonomi serta penurunan nilai ringgit.

"Sudah tentu pengguna terbeban dengan situasi ini, nilai ringgit rendah berdepan dengan transaksi pembelian barangan import (dolar AS). Ia bertambah parah jika negara pengeluar menaikkan harga atas sebab tertentu.

"Sebagai persediaan, negara perlu merencanakan industri pertanian seperti sayuran, cili dan

padi supaya negara tidak terkesan jika berlaku perubahan harga dari negara luar," katanya kepada Selangorkini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas jangkaan kenaikan harga bawang beberapa minggu lagi memandangkan negara mengimport sejumlah besar barangan keperluan itu dari India.

Kerajaan India mengambil langkah drastik menaikkan eksport minimum bawang kepada US\$700 (RM2,870) satu tan bagi menjamin kewujudan bekalan di pasaran tidak putus.

Ketetapan itu diambil berikutan kemerosotan pengeluaran berpunca daripada cuaca buruk yang dijangka berlarutan hingga akhir September, sekali gus menjejaskan bekalan bawang sedia ada dan yang baru dituai di pusat pengeluaran utama di India.

"Tiada jalan lain sebaliknya situasi ini perlu dihadapi pengguna kerana kebanyakan barangan



Mohd Yusof Abdul Rahman

keperluan asas seperti bawang, gandum (tepung), cili, bahkan beras negara masih bergantung kepada barangan import," katanya.

Semakan Selangorkini ke atas statistik Tahap Sara Diri Komoditi Makanan Utama, 2006-2011 (Self-Sufficiency Level Of Major Food Commodities, 2006-2011) mendapati pengeluaran padi

negara hanya mencapai 70 peratus keperluan negara, manakala baki 30 peratus terpaksa diimport.

Statistik diterbitkan sendiri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia itu juga menggariskan sayuran lebih ketara kerana pengeluaran dalam negara hanya dapat menampung sekitar 40 peratus dan selebihnya harus diimport.

Pengeluaran daging lembu/kerbau pula kurang daripada 30 peratus, manakala Malaysia terpaksa mengimport 90 peratus keperluan kambing/biri-biri dan pengeluaran susu sekitar lima peratus berbanding keperluan negara.

Data itu menunjukkan bahawa Malaysia sangat bergantung kepada import makanan dan sejak 10 tahun lalu dengan mengimport bahan makanan bernilai RM221.81 bilion.

Mohd Yusof berkata, FOMCA

menyifatkan kebergantungan itu berpunca daripada keghairahan Malaysia menjadi negara industri mengatasi sektor pertanian.

"Ini yang FOMCA maksudkan. Jika negara mampu memberdayakan sektor pengeluaran makanan dan pertanian, kita tidak bergantung harap sepenuhnya kepada barangan import.

"Ia juga mengurangkan impak dan beban pengguna yang perlu membayar tinggi kepada keperluan makanan," katanya.

Untuk rekod, pada 1970 sekitar 55 peratus daripada tenaga kerja negara ini tertumpu dalam sektor pertanian, namun perlahan-lahan angka itu berkurang kepada 40 peratus pada 1980, merosot kepada 15 peratus (1990) dan sekitar 10 peratus pada (2010).

Akhirnya, pada 2010 sektor pembuatan dan perkhidmatan membentuk lebih 70 peratus daripada guna tenaga di negara ini.

Sultan Johor: Tangani kejatuhan RM

SHAH ALAM - DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar bertitah supaya Kerajaan Persekutuan menangani kejatuhan nilai Ringgit Malaysia dan ekonomi yang tidak stabil.

Sultan Ibrahim bertitah, walaupun raja tidak boleh mencampuri politik namun baginda tetap bertanggungjawab memastikan kehidupan rakyat Johor dalam keadaan baik, maju dan makmur.

"Oleh itu, saya menggesa kerajaan yang memerintah supaya segera menyelesaikan masalah dihadapi sekarang ini, antaranya berkenaan kejatuhan nilai ringgit yang amat teruk," titah baginda di laman Facebook Johor Southern Tigers.

Dalam titah sama, baginda juga mahu pemimpin politik melaksanakan tugas dengan jujur demi manfaat rakyat.

"Diingatkan kepada pemimpin kerajaan dipilih rakyat su-

"Saya menggesa kerajaan yang memerintah supaya segera menyelesaikan masalah dihadapi sekarang ini, antaranya berkenaan kejatuhan nilai ringgit yang amat teruk"

SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR
DYMM Sultan Johor

paya memikul tanggungjawab dengan penuh amanah untuk kepentingan umum dan jangan mengutamakan kepentingan peribadi," titah baginda.

MTUC mahu had pengeluaran KWSP 60 tahun

SHAH ALAM - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyelar golongan yang menentang kenaikan had umur kelayakan pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada 60 tahun.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan Setiausaha MTUC Sarawak, Andrew Lo, berkata langkah itu bertentangan dengan usaha

kesatuan itu supaya had umur persaraan dinaikkan kepada 60 tahun.

"Langkah menaikkan had umur persaraan minimum kepada 60 tahun adalah salah satu cara untuk membolehkan penjarum menjana simpanan persaraan secukupnya.

"Oleh itu, umur kelayakan persaraan mesti berubah daripada

55 kepada 60 tahun.

"Jika tidak, ia menggagalkan objektif KWSP sebagai simpanan untuk persaraan dan juga meningkatkan umur persaraan," kata kenyataan itu.

Badan itu juga menegur pihak yang mendakwa mampu menguruskan sendiri tabung simpanan persaraan mereka.

"Jika KWSP tidak mewajibkan anda menyimpan 11 peratus daripada gaji setiap tahun dan memaksa majikan mencarum 15 peratus lagi, mungkin anda tidak mempunyai wang langsung dalam KWSP atau dalam bentuk simpanan lain untuk hari tua.

"Anda fikir anda boleh bergantung pada anak? Tunggulah selamalamanya. Anak anda tidak dapat menjaga diri mereka sendiri," katanya.

Katanya, kajian mendapati ramai penjarum akan membelanjakan sehabisnya wang caruman dalam masa tiga tahun selepas bersara.



Tak patut kaut keuntungan serahan tanah

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan dituntut lebih bertanggungjawab ke atas tanah yang diserahkan pemaju kepada mereka, kata Exco Perumahan, Pengerus Binaan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad.

Katanya, Kerajaan Persekutuan juga tidak sepatutnya menjual tanah itu untuk kemudahan awam bagi tujuan lain.

"Kebenaran Merancang dilu-

luskan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk projek pembangunan berskala besar mewajibkan pemaju menyerahkan tanah untuk dibina kemudahan awam seperti sekolah, klinik, balai polis dan balai bomba.

"Bagi kemudahan awam yang dibina Kerajaan Persekutuan, tanah itu diserahkan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Tetapi, terdapat kes apabila tanah diserahkan tidak dibina dengan kemudahan awam sepatutnya," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Katanya, terdapat kes sebidang tanah di Seksyen 7, di sini, yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan balai polis pada asalnya dijual kepada syarikat swasta untuk pembangunan komersial iaitu projek pembangunan pangsapuri perkhidmatan.

"Walaupun tak ada keperluan untuk membina balai polis tetapi ini tidak adil kepada pemaju yang menyerahkan tanah mereka untuk kemudahan awam.

"Kerajaan Persekutuan perlu

lebih bertanggungjawab dan tidak mengaut sebarang keuntungan daripada setiap serahan tanah," katanya.

Mengelak kejadian sama berulang, Iskandar berkata, Kerajaan Negeri menetapkan sebarang tanah yang diserahkan kepada Persekutuan untuk kemudahan awam hanya boleh dibangunkan untuk tujuan asal diserahkan.

"Kerajaan Negeri juga akan mengawal kegunaan tanah yang diserahkan melalui Rancangan Tempatan," katanya.



Iskandar Samad

Operasi Hospital Shah Alam Harap tiada masalah

SHAH ALAM - Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad akan menulis surat kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengadakan pertemuan untuk mendapatkan maklumat berhubung perkembangan terkini Hospital Shah Alam.

Katanya, masih terlalu awal bagi memberi kenyataan terhadap struktur pembinaan dan beliau menjangkakan tidak ada masalah

“

Saya agak pelik apabila ia terus diselubungi kerahsiaan. Penyerahan kunci diselubungi rahsia. Seharusnya, perkara ini tidak dipolitikkan

KHALID SAMAD
Ahli Parlimen
Shah Alam

dan diharapkan kakitangan mencukupi untuk memulakan operasi.

"Saya sudah menghantar surat sebelum ini untuk membuat lawatan, namun masih tidak ada jawapan.

"Saya agak pelik apabila ia terus diselubungi kerahsiaan. Penyerahan kunci diselubungi rahsia. Seharusnya, perkara ini tidak dipolitikkan," katanya dalam sidang media di pejabatnya, pada 25 Ogos lalu.

Difahamkan, Hospital Shah Alam menempatkan 300 katil dan dijangka beroperasi awal tahun hadapan.

Sebelum itu, pembinaan hospital berkenaan tertangguh begitu lama hingga mengakibatkan kesukaran penduduk di Shah Alam mendapatkan rawatan dan terpaksa ke Hospital Tunku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.



Kerjasama bantu tingkat pelancongan

BUKIT FRASER - Kerajaan Negeri mengalu-alukan kesediaan Kerajaan Persekutuan bekerjasama bagi pembangunan industri pelancongan di negeri itu, kata Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong.

Elizabeth berkata, lawatan kerja Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Nazri Abdul Aziz adalah bukti kesungguhan itu kerana ia ke arah kebaikan bersama.

"Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan lawatan Datuk Seri Nazri ke Selangor. Ini menunjukkan kita mempunyai objektif

sama untuk menjana ekonomi Selangor dan negara dengan kerjasama erat antara dua pihak," katanya kepada Selangor Kini, pada 25 Ogos lalu.

Beliau berkata, kunjungan Nazri bagi meninjau kawasan pelancongan menarik di Hulu Selangor baik bagi perkembangan pelancongan tempatan dan bersesuaian dengan Tahun Melawat Selangor 2015.

Katanya, komitmen dizahirkan Nazri bagi membantu Selangor sesuatu yang baik kerana sebelum ini Kerajaan Negeri kurang mendapat sokongan dan bantuan daripada Kerajaan Perseku-

tuan.

"Kita terus berusaha memajukan pelancongan di Selangor termasuk Hulu Selangor dengan eko pelancongannya. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dan pihak berkaitan di sini perlu memberi fokus kepada eko pelancongan.

"Jika kita lihat dalam rangka lawatan ini memang keunikan dan keindahan Selangor diperoleh di kawasan daerah seperti ini," katanya.

Dengan usaha dan promosi berterusan, katanya, industri eko pelancongan di sini khasnya dan Selangor amnya akan mendapat perhatian seluruh dunia.

825 kanak-kanak didera hingga Jun

SHAH ALAM - Seramai 825 kanak-kanak di Selangor didera bagi tempoh Januari hingga Jun lalu dan ia mencetuskan kebimbangan serius jika tidak diatasi segera.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata daerah Petaling mencatatkan jumlah tertinggi apabila 154 kanak-kanak membabitkan 79 perempuan dan 75 lelaki didera daripada jumlah keseluruhan itu.

Katanya, jumlah kanak-kanak yang didera di negeri itu sejak 2012 menunjukkan peningkatan dan ia adalah satu angka yang membimbangkan jika tidak dipandang serius.

Beliau berkata, pelbagai aktiviti dan program kesedaran dengan kerjasama agensi berkenaan seperti Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM) sudah dilaksanakan dan ia akan diteruskan untuk mendidik masyarakat berkenaan masalah penderaan yang semakin meningkat setiap tahun.

"Kanak-kanak yang berdepan dengan penderaan ini akan ditempatkan di rumah perlindungan yang dikawal selia JKM.

"Mengikut Dasar Perlindungan Kanak-Kanak, mereka mempunyai hak untuk mendapat perlindungan dan dijaga daripada segi kebajikan dan JKM adalah agensi yang bertanggungjawab untuk menangani masalah penderaan," katanya pada 20 Ogos lalu.

Dr Daroyah berkata, kanak-kanak yang diletakkan di bawah enam pusat perlindungan akan diberikan didikan spiritual, emosi dan pendidikan.

Mengikut rekod, pada 2012 jumlah kanak-kanak yang didera membabitkan 1,113 kes dan ia meningkat setiap tahun iaitu 1,142 kes (2013); 1,255 kes (2014) dan antara Januari hingga Jun lalu membabitkan 825 kes.

Beliau berkata, antara faktor yang dikesan menjadi punca kepada penderaan antaranya masalah kewangan, perbalahan keluarga, masalah di tempat kerja, jenis kediaman dan sikap masyarakat.

"Program motivasi dan bengkel juga turut diadakan kepada ibu bapa bagi memastikan kes penderaan kanak-kanak di negeri ini dapat dikurangkan.

"Penderaan fizikal paling banyak dilaporkan berlaku di negeri ini. Kita harap dengan program dan aktiviti kesedaran yang diadakan dapat mengurangkan jumlah kes," katanya..

Belanjawan 2016 dibentang November

MB: Pembangunan terus kepada rakyat

SHAH ALAM - Belanjawan 2016 akan tertumpu kepada pembangunan secara terus kepada rakyat dan dijangka dibentangkan, pada November ini.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata belanjawan itu akan digubal mengikut keadaan

semasa dan beberapa perkara menekan rakyat ketika ini.

"Bermula minggu depan, kita akan bincangkan dalam bengkel bagi menggubal Belanjawan 2016 dengan mengambil kira keadaan semasa.

"Kerajaan Negeri bertanggung-

jawab mengurus dengan cara berhemah dan menumpukan pembangunan secara terus kepada rakyat," katanya menjawab pertanyaan Haslin Hassan (PAS-Tanjong Sepat) berkenaan rizab kewangan negeri pada Sidang Dewan Negeri Selangor, 20 Ogos

lalu.

Mohamed Azmin (PKR-Bukit Antarabangsa), berkata sejumlah peruntukan juga akan diputuskan bagi keperluan pembinaan balai raya di kawasan luar bandar.

"Menepati hasrat Kerajaan Negeri, sudah tentu keperluan balai



LAPORAN OLEH

AFFEEQA AFEERA, AFIX REDZUAN, HAFIZAN TAIB, LIZAWATI MADFA, NAEEM RAFFI, NAZLI IBRAHIM, NORHAYATI UMOR & SYASYA SUFIAN

FOTO OLEH

ASRI SAPPFIE, REMY ARIFFIN & SHUAIB AYOUB

raya atau dewan amat diperlukan. Kita sudah bincangkan beberapa bulan lalu berkenaan keperluan masyarakat luar bandar," katanya.

Persekutuan tak mampu laksana FOI?

SHAH ALAM - Pendirian Kerajaan Persekutuan yang tidak bersedia melaksana Akta Kebebasan Maklumat (FOI) dikritik Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (SELCAT).

Pengerusinya, Hannah Yeoh, berkata alasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low terhadap pelaksanaan akta itu juga tidak munasabah kerana Selangor dan Pulau Pinang mampu melaksanakannya walaupun berdepan kekangan membabitkan sumber serta kewangan.

"Tiada masalah kerana semua itu boleh dilaksana jika ada kesungguhan, masa dan latihan. Walaupun kita luluskan FOI Selangor pada 2011, namun kita mengambil masa setahun dua untuk melatih pegawai maklumat sebelum ia dilaksanakan.

"Kalau Selangor dan Pulau Pinang boleh, mengapa Kerajaan Persekutuan dengan kabinet, sumber dan kewangan yang besar beri pelbagai alasan tidak munasabah," katanya ketika sidang media di Lobi Dewan Annex, di sini, pada 19 Ogos lalu.

Pada 18 Ogos lalu, Low menegaskan FOI tidak memberi manfaat kepada Malaysia selain melibatkan infrastruktur dan sumber tenaga kerja yang ramai dalam pelaksanaannya.

Low juga mendakwa masyarakat belum bersedia mengendalikan maklumat dengan bertanggungjawab jika diberi akses luas kepada set data kerajaan.

Sementara itu, Hannah berkata, Selangor hanya memerlukan 41 pegawai maklumat walapun



Kalau Selangor dan Pulau Pinang boleh, mengapa Kerajaan Persekutuan dengan kabinet, sumber dan kewangan yang besar beri pelbagai alasan tidak munasabah

HANNAH YEOH
Pengerusi

Kerajaan Persekutuan mengeluarkan kenyataan memerlukan lebih 300 kakitangan dalam bidang itu untuk tujuan sama.

"Walaupun kita menerima banyak kritikan untuk pembaikan FOI ini, SELCAT adakan pendengaran awam pada Januari lalu dan membentangkan penyata penambahbaikan (April)," katanya.

Dalam penambahbaikan akta itu, SELCAT juga mencadangkan seorang exco dilantik memimpin portfolio FOI dan Kerajaan Negeri melantik Elizabeth Wong (PKR-Bukit Lanjan).

Selain itu, SELCAT juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mewajibkan semua perjanjian dengan semua pihak perlu disertakan dengan klausa bersetuju dengan FOI.

Strategi baru tangani denggi

SHAH ALAM - Beberapa strategi baru dalam memerangi wabak denggi bakal dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam tempoh terdekat, kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Katanya (PKR-Sementa), Kerajaan Negeri bakal menggunakan kawalan biologi bagi mengawal pembiakan nyamuk aedes dan pelancaran Tapak Bina Sifar Aedes membabitkan semua pema-ju di negeri itu.

"Silibus pendidikan kesihatan juga akan diberikan kepada murid tadika dan sekolah Selangor. Pelan Tindakan Strategi Sifar Pembiakan Aedes dilancarkan, pada September ini," katanya pada Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 19 Ogos lalu.

Mengikut statistik, 1,336 kes dicatatkan sehingga 8 Ogos lalu dan menjadikan kumulatif kes tahun ini 41,223 kes, manakala kumulatif kematian 93 kes.

Pelan Induk Pengangkutan Awam siap November

SHAH ALAM - Draf Pelan Induk Pengangkutan Awam negeri dijangka siap awal November ini melalui pasukan perunding berke- layakan dilantik.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS & Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata pelan itu membantu Selangor mencapai hasrat menjadikan negeri itu mesra pengangkutan awam yang selamat dan komprehensif.

Katanya, ia selaras dengan pembangunan Ekonomi Peduli Rakyat Selangor yang menentukan hala tuju pengangkutan di negeri itu.

"Ia membantu mencapai sasaran nisbah 60:40 pengangkutan awam berbanding pengangkut-



Daroyah berkata, tindakan kompaun dilihat kurang memberi kesan kepada pengurangan kes denggi di Selangor ekoran kesedaran masih rendah dalam kalangan masyarakat.

Katanya, jumlah kompaun dikeluarkan kepada kediaman, tapak binaan, kedai, rumah ibadat, kawasan komersial dan in-

dustri adalah 848 iaitu bernilai RM317,750, sehingga 31 Julai lalu.

"Ketika ini, kompaun dikenakan RM500. Namun, tidak memberi kesan kerana masyarakat masih mengamalkan sikap tidak ambil peduli," katanya menjawab pertanyaan Halimaton Saadiah (BN-Kota Damansara).

an persendirian, memiliki strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang untuk meningkatkan penggunaan.

"Ia turut meliputi jaringan lebuh raya, pengangkutan awam semasa dan masa depan untuk rujukan Kerajaan Negeri, Persekutuan, agensi terlibat serta pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan penyelarasan pengurusan juga pelaksanaan yang lancar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan Shahrum Mohd Sharif (BN-Dengkil) di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 18 Ogos lalu.

Pada masa sama, Chang Khim (DAP-Sungai Pinang), berkata pelan

itu membantu mencapai keseimbangan antara pembinaan lebuh raya dan penyediaan sistem pengangkutan awam melalui kajian telus serta terperinci.

Katanya, ia turut menganalisa konsep Transit Oriented Development (TOD) bagi membolehkan pembangunan perumahan dan komersial di Lembah Klang diintegrasikan dengan infrastruktur pengangkutan awam.

"Kerajaan Negeri juga bersedia bekerjasama dengan Persekutuan untuk membincangkan hal ini melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)," katanya.

Bekalan air mencukupi

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memberi jaminan bekalan air mencukupi daripada segi kualiti dan kuantiti walaupun negara berhadapan musim panas ketika ini.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata bekalan mencukupi ekoran beberapa pelan tindakan yang dilaksanakan.

"Kita yakin melalui beberapa tindakan yang diambil, bekalan air mencukupi membabitkan kualiti dan kuantiti," katanya yang menjawab pertanyaan Khasim Abdul Aziz (PAS-Lembah Jaya), pada 19 Ogos lalu.

Zaidy (PAS-Templer), berkata antara projek yang sedang dilaksanakan adalah Mitigasi 2, Langat 2, pembesaran Loji Sungai Langat dan saluran air dari Negeri Sembilan yang dijangka siap 2016.



Gambar Hiasan

"Kerajaan Negeri juga sedang meneliti beberapa loji baru bagi meningkatkan kapasiti bekalan sekurang-kurangnya 350 JLH menjelang 2017," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Ne-



geri juga sedang merangka pelan termasuk pembaikan paip lama bagi mengurangkan air tidak berhasil (NRW) selepas proses penstrukturan industri itu selesai.

MB: Sedia adakan SELCAT bila-bila masa

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bersedia dan terbuka untuk mengadakan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelesusan (SELCAT) dalam isu penstrukturan semula industri air.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menerima keterbukaan itu selepas Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (Bebas-Pelabuhan Klang) meminta Kerajaan Negeri mengemukakan fakta kenyataan beliau dalam menaikkan tarif air kepada 18 peratus.

"Kerajaan Negeri terbuka untuk adakan SELCAT. Cuma, kita tak boleh menentukan perkara apa yang nak dibincangkan. Itu terpulang kepada SELCAT," katanya dalam Sidang Dewan Negeri (DNS), pada 20 Ogos lalu.

Mohamed Azmin (PKR-Bukit Antarabangsa), berkata Kerajaan Negeri sentiasa bersedia pada bila-bila masa untuk memberikan keterangan.

"Kami mendukung sebarang usaha untuk kebenaran supaya rakyat maklum. Tiada apa yang

nak disorokkan," katanya.

Abdul Khalid sebelum itu bertanya pendirian Kerajaan Negeri dalam bayaran syarikat konsesi bagi pengambilalihan industri air yang akan menyebabkan hasil terjejas seterusnya tarif dinaikkan.

Mohamed Azmin kemudian menegaskan rizab negeri bukan untuk penstrukturan air dan hanya digunakan bagi tujuan pembangunan.

Katanya, kenaikan tarif air sebenarnya dikemukakan Abdul Khalid ketika beliau memegang jawatan Menteri Besar.

Tiada pencemaran kritikal di Sungai Bernam

SHAH ALAM - Tiada isu pencemaran kritikal dilaporkan berlaku di Sungai Bernam setakat ini, kata Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong.

Elizabeth berkata, lawatannya bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar tahun lalu turut membuktikan aktiviti pencemaran tidak berlaku.

Katanya, status kualiti air sungai itu dipantau Jabatan Alam Sekitar Perak dan berada dalam kategori bersih kelas kedua, sehingga Jun lalu.

"Isu pencemaran yang pernah

berlaku seperti kehadiran minyak di permukaan air dapat dikawal bersama agensi lain melibatkan Selangor dan Perak.

"LUAS juga membuat perancangan untuk mengadakan bengkel yang membincangkan tadbir urus Lembaga Sungai Bernam termasuk isu pencemaran di sungai itu.

"Ia melibatkan agensi berkaitan di Selangor dan Perak memandangkan lembangan itu dikongsi dua negeri berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Budiman Mohd Zohdi (BN-Sungai Panjang) di Dewan Negeri Selangor (DNS),

Ekonomi semasa punca pelabur tarik diri

SHAH ALAM - Penarikan balik pelaburan asing berpunca daripada suasana ekonomi negara yang semakin meruncing bukan disebabkan masalah air.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim (DAP-Sungai Pinang), berkata rekod menunjukkan belum ada lagi pelabur menarik diri kerana masalah air.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan Dr Idris Ahmad (PKR-Ijok) berhubung kesan krisis air terhadap pelaburan asing.

Chang Khim, berkata sumber bekalan air antara perkara yang sering dibangkitkan pelabur kerana ia sebahagian keperluan utama selain kemudahan awam, infrastruktur, pelabuhan dan jaringan jalan

cekap.

"Walaupun wujud kebimbangan, tetapi penjelasan Kerajaan Negeri berhubung langkah mitigasi dan perancangan jangka panjang berhubung kelangsungan sumber air meyakinkan mereka untuk terus melabur," katanya pada Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, baru-baru ini.

Terdahulu, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Kajang) melalui pertanyaan lisan bertanya kesan ekonomi negara yang getir terhadap pelaburan asing di Selangor.

"Selain ekonomi semasa, faktor permintaan pasaran juga menyebabkan perkara ini berlaku.

"Sekali gus, ia memberi kesan langsung kepada ekonomi Selangor," katanya.

Kejatuhan RM tak bawa kebaikan kepada pelancongan

SHAH ALAM - Dakwaan penurunan nilai ringgit membawa kebaikan kepada sektor pelancongan tidak benar, kata Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong.

Berdasarkan rekod pelancong asing melawat sesebuah negara, beliau berkata, keputusan mereka bergantung kepada corak pelancongan, promosi dan keselamatan.

"Hipotesis bahawa nilai ringgit lemah memberi kebaikan dan menarik lebih banyak pelancong asing, tidak benar.

"Singapura selaku pelancong asing tertinggi ke Malaysia membabitkan peningkatan 5.7 peratus (2013-2014) dengan Dolar Singapura meningkat 1.5 peratus berbanding Ringgit Malaysia (RM).

"Brunei di tangga ketiga yang mencatat peningkatan 1.5 peratus kepada matawangnya tetapi prestasi kedatangan pelancong

menurun 2.1 peratus bagi tempoh sama," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan lisan Lai Nyuk Lan (DAP-Sungai Pelek) berkenaan pembangunan sektor pelancongan Selangor di Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 19 Ogos lalu.

Pada 11 Ogos lalu, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Nazri Aziz menyifatkan kejatuhan nilai ringgit kepada RM4 untuk setiap Dollar Amerika (USD) baik untuk industri itu.

Elizabeth berkata, penurunan nilai ringgit menjejaskan kos operasi kerana sektor itu ada hubungan kait dengan barangan import.

"Jika mereka memerlukan barangan import daripada sumber yang didominasi matawang USD, operasi dan pengendalian meningkat. Ia ditambah dengan pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)," katanya.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Fitnah berniat jahat

SHAH ALAM - Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) yang ditubuhkan Kerajaan Negeri adalah milik penuh Perbadanan Menteri Besar (MBI).

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali (PKR-Bukit Antarabangsa), berkata dakwaan bahawa DEIG adalah syarikat dengan modal berbayar RM2 dan sahamnya dipegang dua individu adalah satu pembongkaran berniat jahat.

"Bila beroperasi nanti, modal berbayar juga tentu akan ditingkatkan. DEIG di bawah MBI yang dibentuk di bawah enakmen, tidak ada pemegang syer tetapi milik penuh Kerajaan Negeri.

"Dakwaan DEIG syarikat RM2 mengurus aset bernilai RM6 bilion adalah pembongkaran yang jahat sebab ia tidak ada aset dan transaksi kerana belum beroperasi.

"Bila DEIG nak beroperasi nanti, kena selesaikan dahulu soal tatakelola dengan jelas strukturnya," katanya kepada media di lobi Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 20 Ogos lalu.

Katanya, DEIG yang mula dimiliki penuh oleh MBI pada Julai lalu akan memulakan operasi tahun hadapan selepas isu mekanisme urus tadbir korporat, penyata kewangan dan beberapa perkara lain diselesaikan terlebih dahulu.

"Bila nak tubuhkan syarikat, kita panggil 'promoter' syer maknanya perundangan membolehkan dua pemegang saham membukanya tetapi dua bulan kemudian DEIG sudah dimiliki sepenuhnya MBI, pada Julai lalu. MBI pula adalah milik penuh Kerajaan Negeri," katanya.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri turut mengambil perhatian Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) seperti diusulkan dalam persidangan DNS kali ini dan akan menjawab pada sidang November.

MB: Jawapan bertulis terperinci dibentangkan November

OLEH **NAEEM RAFFI**

SHAH ALAM - Jawapan bertulis berhubung penubuhan Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) secara terperinci kepada Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) akan dilaksanakan, pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), November ini.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali (PKR-Bukit Antarabangsa), berkata ia bagi menjawab kekeliruan maklumat dibangkitkan beberapa Adun kerajaan dan pembangkang berhubung entiti baru itu.

"Ramai ahli dewan bangkit membahaskan usul ini dan ia menunjukkan minat mereka yang tinggi dalam memastikan apa juga inisiatif dilaksana Kerajaan Negeri ditadbir urus dengan baik untuk mencapai matlamat asal serta kesejahteraan rakyat.

"Saya tidak tersinggung dengan teguran itu sebaliknya menyambut baik kerana ia mencerminkan Kerajaan Pakatan Rakyat (Pakatan) Selangor berbeza dengan Persekutuan," katanya ketika sesi penggulungan usul dibawa Saari Sungib (PAS-Hulu Kelang) di DNS, di sini, pada 19 Ogos lalu.



Darul Ehsan
Investment Group

Bagaimanapun, Mohamed Azmin mengingatkan ahli dewan untuk lebih bertanggungjawab membentangkan usul berdasarkan fakta bukannya skrip dan pengaruh luar.

"Ramai bangkit membentangkan usul memberi gambaran seolah-olah hanya tiga ahli lembaga pengarah sahaja di bawah DEIG dan mula main sentimen iaitu semak dan imbang boleh dilaksanakan dalam keadaan ini.

"DEIG dianggotai lima individu membabitkan Dato' Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Menteri Besar (MBI) dan Ketua Pegawai Operasi MBI, bahkan sudah dinyatakan secara terang," katanya.

Mohamed Azmin juga menafikan kenyataan Lau Weng San (DAP-Kampung Tun-ku) yang sebelum ini ketika membahaskan usul mendakwa DEIG memulakan operasinya hanya kerana memanggil Request for Information (RFI) dan

Request For Proposal (RFP).

Mohamed Azmin, berkata DEIG belum memulakan operasi dan tidak terlibat dalam mana-mana transaksi.

"RFI dan RFP itu bukan dipanggil oleh DEIG sebaliknya berdasarkan asetnya tanpa melibatkan DEIG kerana entiti itu hanya mula beroperasi, pada awal 2016," katanya.

Secara umumnya, Mohamed Azmin bersetuju dengan sebahagian besar pendirian ahli dewan yang beranggapan Kerajaan Negeri tidak perlu terlibat dalam perniagaan.

Bagaimanapun, dalam sebahagian sektor dan bidang tertentu memerlukan keterlibatan Kerajaan Negeri supaya kepentingan rakyat dapat dipelihara.

"Jika keseluruhannya diserahkan kepada swasta, maka kita berdepan masalah mereka hanya memikirkan keuntungan berbanding kepentingan sosial (rakyat).



"Kerajaan perlu jaga aset negeri dalam memastikan projek perumahan mampu milik itu mampu disediakan bagi kepentingan rakyat berpendapatan rendah.

"Lihat sahaja pengalaman sebelum ini apabila tanah kerajaan diberi milikan atau kerjasama dengan pemaju swasta untuk pembangunan projek, mereka dirikan kediaman bernilai tinggi tanpa rumah kos rendah dan mampu milik," katanya.

Cadangan struktur milikan dan fungsi mBi & dEig



Operasi selepas SOP mantap

SHAH ALAM - Syarikat yang baik akan memastikan segala keperluan dipenuhi terlebih dahulu sebelum memulakan aktiviti perniagaan bagi memaksimumkan pulangan dan meminimalkan kerosakan.

Ia perlu memantapkan prosedur standard operasi (SOP) bagi memastikan aspek ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik dapat dipraktikkan

sepenuhnya apabila beroperasi seperti yang diterapkan dalam penubuhan Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG).

Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Raja Shahreen Raja Othman, berkata menjalankan operasi sebuah syarikat tanpa mewujudkan SOP terlebih dahulu adalah satu kerosakan yang tidak sepatutnya dilakukan.

"Pada masa ini, aset yang dimiliki DEIG hanya RM2. Kita tak mulakan apa-apa lagi dan ingin selesaikan dahulu isu ketelusan, akauntabiliti serta tadbir urus dengan jelas.

"Selepas itu, baru kita mulakan operasi dan modal juga akan ditingkatkan," kata Raja Shahreen pada sidang media di Lobi Dewan Negeri Selangor, semalam.

Beliau berkata, langkah itu diambil bagi memastikan DEIG melalui MBI bertanggungjawab melaporkan segala aktiviti syarikat kepada Kerajaan Negeri.

"Sekarang, MBI tak perlu bawa ke Kerajaan Negeri. Kalau anda suka macam itu, kita boleh kekal begitu tetapi kami dah berbincang awal-awal lagi iaitu apa juga yang berlaku di MBI perlu

dibawa kepada Kerajaan Negeri.

"MBI perlu diperelokkan. Tatakelola, ketelusan, tadbir urus, akauntabiliti perlu dan ditunjukkan tetapi sekarang tak ada," katanya.

Raja Shahreen turut menegaskan, DEIG tidak akan membuat sebarang pinjaman bagi menjalankan aktiviti pelaburan syarikat itu nanti.

Status DEIG jelas milik MBI



Yeo Bee Yin dan Ng Sze Han memberi penjelasan mengenai isu DEIG ketika sidang media

OLEH **HAFIZAN TAIB**

SHAH ALAM - Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan Berhad (DEIG) bukan dimiliki dua individu seperti didakwa laman sosial pro Barisan Nasional (BN).

Malah, tuduhan pemindahan aset Kerajaan Negeri berjumlah RM20 hingga RM30 bilion kepada DEIG juga tidak benar.

Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin, berkata segala dakwaan dibuat itu tidak menepati fakta sebenar.

"Ia bukan dimiliki dua individu dan daripada penyata diperoleh, isu pemindahan RM20 hingga RM30 bilion tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Perkara seperti ini tidak pernah berlaku membabitkan aset Kerajaan Negeri," katanya dalam sidang media di Dewan Annexe, di

sini, pada 20 Ogos lalu.

Berdasarkan kenyataan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), Adun Kinrara, Ng Sze Han pula berkata, DEIG dimiliki sepenuhnya Pemerdagangan Menteri Besar Selangor (MBI).

Katanya, Lembaga Pengarah DEIG terdiri daripada Dato' Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif MBI dan Ketua Pegawai Operasi MBI.

"Sememangnya jelas di sini status DEIG dengan ditadbir lima individu berkenaan," katanya.

Kenyataan Sekretariat Akhbar Pejabat Menteri Besar Selangor menyatakan DEIG adalah milik penuh MBI dan mempunyai modal dibenarkan sejumlah RM10 juta.

DEIG adalah milik penuh (100%) oleh MBI dan mempunyai modal dibenarkan RM10 juta.

DEIG akan ditadbir Lembaga Pengarah terdiri daripada Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif MBI dan Ketua Pegawai Operasi MBI. Pengurusan terdiri daripada golongan profesional yang pakar dalam bidang pelaburan strategik.

Kenapa DEIG ditubuhkan:

- MBI tidak pernah memberi pulangan kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk dividen.
- Sebelum ini, MBI tidak memberi sumbangan signifikan dan tidak mempunyai strategi kebersamaan serta dibebani legasi.
- Aset-aset milik MBI harus dirasionalisasi dan konsolidasi untuk mengelakkan pertindihan serta mendapat pulangan hasil yang baik.

PAC dan Jawatankuasa Pilihan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) mempunyai akses untuk meneliti pengurusan dan kewangan DEIG seperti anak syarikat Kerajaan Negeri lain.



Darul Ehsan Investment Group

- Laporan kewangan DEIG akan diaudit di peringkat MBI.
 - Segala perincian kewangan di peringkat DEIG akan direkod di peringkat MBI melalui kaedah 'Consolidated Account'.
- Contoh: Jika DEIG mempunyai 1,000 ekar tanah, ia akan direkod di Consolidated Account MBI.*

- Demi menjamin ketelusan dan kebertanggungjawaban, segala keputusan komersial dan pelaburan DEIG akan dinilai melalui Jawatankuasa Pemilihan, Tender, Audit dan Pelaburan. Segala keputusan akhir akan dibuat oleh lembaga pengarah utama syarikat.
- DEIG akan mempunyai struktur tatakelola dan 'check and balance' menurut amalan baik industri korporat.

- Kerajaan Negeri akan memastikan DEIG ditadbir dengan ketelusan, tatakelola korporat, akauntabiliti dan kawalan dalaman yang ketat.
- Pengurusan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri akan mengamalkan tadbir urus tertinggi

- DEIG didaftarkan mengikut Akta Syarikat 1965.
- Akta berkenaan mewajibkan laporan kewangan DEIG diaudit.
- Orang awam boleh melihat perincian laporan kewangan berkenaan melalui laman sesawang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- Enakmen No 3 Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) 1994 akan ditambah baik untuk memastikan segala laporan kewangan termasuk DEIG yang dikonsolidasikan di peringkat MBI akan dibentangkan di Dewan Negeri Selangor.

- Kerajaan Negeri juga akan memastikan keadilan dalam pengagihan melalui program keadilan sosial seperti perumahan dan pendidikan
- Akan memastikan tiada lagi perjanjian berat sebelah dan tidak memberi keuntungan setimpal untuk anak syarikat milik Kerajaan Negeri.

Abdul Rahman patut risau isu 1MDB

SHAH ALAM - Kebimbangan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan terhadap Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) mengatasi isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dibidas Ketua Wanita PKR, Zuraida Kamaruddin.

Katanya, Abdul Rahman tidak wajar mengkritik DEIG yang belum beroperasi sebaliknya logik berbuat demikian terhadap 1MDB yang terpalit pelbagai isu membabitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"DEIG belum mula beroperasi, tidak mempunyai aset atau kumpulan wang, bahkan tiada satu transaksi dijalankan melainkan jika ada akaun rahsia sahaja yang boleh menyalurkan berbilion ringgit kepada Dato' Menteri Besar.

"Bagi pengkritik yang begitu bimbang dengan DEIG, yakinlah bahawa ia bukan 1MDB. Seperti yang dijelaskan Dato' Menteri Besar, 1MDB adalah sumbangan berbeza dengan DEIG iaitu pelaburan," katanya dalam kenyataan, pada 24 Ogos lalu.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan Abdul Rahman kononnya pengurusan aset DEIG bernilai RM30 bilion serius dan lebih besar berbanding derma RM2.6 bilion ke dalam akaun peribadi Najib.

Zuraida yang juga Ahli Parlimen Ampang berkata, sebuah kerajaan yang bagus akan mengamalkan sistem korporat terbaik supaya tiada penyalahgunaan kuasa atau salah urus dana.

"DEIG di bawah jagaan sepenuhnya MBI dan seterusnya bertanggungjawab kepada Dewan Negeri Selangor bagi ketelusan dan akauntabiliti.

"Kerajaan Selangor juga bertanggungjawab menyediakan perumahan rakyat mampu milik, menjalankan program komuniti, menyalurkan bantuan kebajikan pendidikan dan kesihatan serta warga emas," katanya.

“

1MDB adalah sumbangan berbeza dengan DEIG iaitu pelaburan

ZURAIDA KAMARUDDIN
Ahli Parlimen Ampang



Pegawai tertinggi negeri anggotai Lembaga Pengarah DEIG



OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) ditubuhkan bagi mengurus pelaburan strategik, merasionalisasi dan menstruktur semula aset anak syarikat di bawah Pernerbadanan Menteri Besar (MBI), sekali gus membawa syarikat itu ke peringkat lebih tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Raja Shahreen Raja Othman, berkata syarikat yang dimiliki sepenuhnya MBI itu dianggotai lima Ahli Lembaga Pengarah termasuk beliau bersama Dato' Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Pegawai Operasi MBI.

"Selangor mempunyai banyak aset yang perlu diuruskan secara berhati-hati

dan profesional. Kami ingin meningkatkan nilai aset yang ada.

"DEIG milik penuh MBI. Tujuannya untuk rasionalisasi dan menyatukan semua aset MBI," kata Raja Shahreen pada sidang media di Lobi Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 21 Ogos lalu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi MBI, Soffan Affendi Aminudin, pula menjelaskan MBI akan memastikan segala akaun dan aktiviti pelaburan yang bakal dijalankan DEIG dilaporkan kepada Kerajaan Negeri melalui pemerbadanan itu sendiri.

Terdahulu, pada sidang dewan, Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi DNS berkenaan DEIG diluluskan.

Penyata itu memberi beberapa cadangan bagi penambahbaikan beberapa mekanisma bagi memastikan DEIG menjalankan aktiviti menguruskan aset dan pelaburannya dengan lebih berkesan juga telus.

Soffan berkata, MBI sentiasa terbuka untuk meneliti cadangan yang dikemukakan dalam penyata terbabit.

"Penubuhan DEIG seperti yang dibahaskan di Sidang DNS sejak beberapa hari lalu penting untuk memberi tumpuan kepada proses penstruktur semula. Majoriti Adun Selangor bersetuju bahawa proses rasionalisasi adalah langkah tepat.

"Kami di pihak pengurusan akan memastikan segala tatakelola dan urus tadbir korporat DEIG berada pada tahap paling tinggi dan memuaskan," katanya.

Tepati urus tadbir telus

SHAH ALAM - Rakyat Selangor yakin dan percaya penubuhan Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) menepati aspirasi urus tadbir berakauntabiliti, kebertanggungjawaban dan ketelusan.

Bagi penganalisis kanan bisnes, Hasina Yop, 31, berkata semua pihak seharusnya memberi masa untuk Dato' Menteri Besar dan Lembaga Pengarah DEIG menyiapkan laporan penuh tugas dan fungsi syarikat milik penuh Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) itu.

Katanya, isu DEIG milik dua individu bagi menguruskan harta sehingga RM30 bilion juga perlu dihentikan segera.

"Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi itu hanya 'promoter' syarikat sahaja sebelum dipindah milik ke-

pada MBI semula. Semua itu proses teknikal dan prosedur biasa penubuhan mana-mana syarikat.

"Jangan kita samakannya dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebab DEIG masih belum beroperasi, sama sekali berbeza dengan 1MDB yang sudah beroperasi beberapa tahun," katanya kepada Selangor Kini.

Sementara itu, pengusaha makanan, Huzaini Angah, 30, pula berpendapat penubuhan DEIG harus diteruskan bagi menjana pendapatan Kerajaan Negeri secara lebih sistematik dan konsisten.

"Rakyat Selangor perlu berlaku adil dan

beri peluang kepada Dato' Menteri Besar mencorak sendiri pentadbiran dan pengurusan MBI.

"Jika sebelum ini MBI tiada mencatat keuntungan, siapa tahu DEIG yang diterajui pakar pelaburan mampu mencatatkan keuntungan untuk dikembalikan kepada rakyat Selangor," katanya.

Pada masa sama, pekerja kilang, Fuad Hendra Abu Bakar, 29, berharap segala urusan DEIG dilakukan secara telus, berhemah dan berintegriti.

"Walaupun DEIG fokus pada pelaburan, diharap program kebajikan kepada rakyat tidak dilupakan.

"Kerajaan Selangor sejak 2008 menjadi harapan dan contoh kepada rakyat, bukan sahaja di negeri ini tetapi seluruh Malaysia. Jangan musnahkan itu," pintanya,



Hasina Yop



Huzaini Angah

RESIDENCE
Citrina 3
 BERNAM JAYA

RUMAH KLUSTER 2 TINGKAT



HARGA DARI **RM297,551**

- ◆ Setiap unit adalah unit tepi dengan bukaan saiz lot 42' lebar
- ◆ Ruang tamu dan dapur yang praktikal
- ◆ Akses mudah ke rangkaian Lebuhraya Utara-Selatan dan Jalanraya Tanjung Malim-Rawang
- ◆ Dikelilingi prasarana membangun seperti sekolah, hospital, pusat komersil dan Universiti Pendidikan Sultan Idris
- ◆ Pengudaraan dan pencahayaan yang baik
- ◆ Laman yang luas



COORDINAT GPS : N3 39 27 E101 32 12 www.pkns-property.com

Susun semula fokus MBI

DEIG 'platform' gabung aktiviti pelaburan

Q&A

Isu Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan Berhad (DEIG) hangat diperkatakan dalam Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), baru-baru ini. Ramai mempersoalkan penubuhan syarikat itu. Malah, dikatakan DEIG sebuah syarikat yang 'disorok' di bawah Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI). **Ikuti temubual eksklusif bersama Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Raja Shahreen Raja Othman dan Ketua Pegawai Operasi MBI, Soffan Affendi Aminudin oleh wartawan Norhayati Umor.**

Penubuhan DEIG dipersoal dan dipertikaikan, apakah tujuan sebenar DEIG ditubuhkan?

Pertama sekali ingin kami tekankan betapa pentingnya sebuah negeri makmur seperti Selangor untuk memajukan dan memperkasakan syarikat induk pelaburan atau dana kekayaan negeri (SWF) dalam eko-sistem ekonomi tempatan dan global yang semakin mencabar. Dengan adanya entiti korporat sebegini, segala pemilikan aset dan pelaburan dapat dimaksimakan untuk penjana pendapatan secara berterusan bagi membangunkan negeri serta rakyat secara amnya.

Sebelum itu, kami kongsi secara ringkas latar belakang MBI. MBI ditubuhkan pada tahun 1994 berdasarkan Enakmen No 3 Menteri Besar Selangor 1994 bertujuan untuk menjadi pemegang amanah kepada aset dan pelaburan Kerajaan Negeri.

MBI diberi tanggungjawab mentadbir sejumlah aset dan pelaburan yang besar serta berperanan dalam menguruskan program memakmurkan rakyat Selangor.



Satu sistem tadbir urus yang kukuh dalam pelaksanaan segala proses yang direncana bagi memastikan aspek ketelusan dan akauntabiliti menjadi keutamaan. Berdasarkan semua faktor ini, DEIG ditubuhkan sebagai sebuah syarikat induk pelaburan yang mempunyai objektif untuk memberi sumbangan signifikan kepada Kerajaan Negeri

Bagaimanapun, ketika ini MBI tidak pernah memberi pulangan kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk dividen kerana mempunyai fungsi bertindih dan tidak dapat memberi fokus kepada aset dan pelaburan. Natijah daripada itu, kita dapat melihat 12 kumpulan anak syarikat serta aset MBI berada dalam keadaan yang "fragmented" dan "disarray".

Oleh itu, proses rasionalisasi dan konsolidasi anak syarikat Kerajaan Negeri (GLC) perlu dilakukan untuk mencipta nilai yang mampan (*sustainable value creation*) terhadap aset-asetnya dan memastikan 'diversification of income' kepada Kerajaan Negeri. Selepas membuat proses diagnostik dengan melakukan analisa terhadap struktur dan sistem sedia ada, kami merasakan bahawa

perlu ada "mental courage" dan anjakan paradigma untuk merealisasikan proses penstrukturan semula ini.

Di samping itu, satu sistem tadbir urus yang kukuh dalam pelaksanaan segala proses yang direncana bagi memastikan aspek ketelusan dan akauntabiliti menjadi keutamaan. Berdasarkan semua faktor ini, DEIG ditubuhkan sebagai sebuah syarikat induk pelaburan yang mempunyai objektif untuk memberi sumbangan signifikan kepada Kerajaan Negeri melalui pengurusan yang lebih mampan dan profesional serta mengikut piawaian pentadbiran korporat di peringkat tertinggi.

Boleh jelaskan masalah MBI sebenarnya sehingga perlu

menubuhkan entiti baru?

Pada peringkat awal, kami mendapati MBI mempunyai dua peranan utama iaitu melaksanakan pengurusan program memakmurkan rakyat seperti HIJRAH, YAWAS, Wifi Selangorku dan sebagainya serta pengurusan pelaburan juga aset.

Program memakmurkan rakyat di sini bermaksud menjadi pentadbir untuk program tanggungjawab sosial manakala pengurusan pelaburan pula objektifnya adalah untuk menjadi pemangkin eko-sistem ekonomi yang baik di dalam negeri.

Kedua-dua perkara ini mempunyai perbezaan ketara dari segi objektif dan peranan, justeru itu amat sukar untuk menentukan apakah fungsi sebenar dan 'Key

Program memakmurkan rakyat di sini bermaksud menjadi pentadbir untuk program tanggung-jawab sosial manakala pengurusan pelaburan pula objektifnya adalah untuk menjadi pemangkin eko-sistem ekonomi yang baik di dalam negeri.

Performance Index' atau KPI yang hendak diberikan kepada MBI supaya peranannya lebih jelas dan berkesan.

Akibat daripada pengurusan pelaburan yang longgar serta tidak fokus ini, kami mendapati pelaburan MBI ketika ini tidak menghasilkan sinergi dan strategi kebersamaan demi menjana pulangan maksima kepada Kerajaan Negeri.

Kami melihat perlunya ada fokus dan sistem untuk menilai pencapaian. Apa gunanya organisasi besar dengan aset yang banyak tetapi terlalu banyak peranan sehingga boleh menimbulkan kekeliruan daripada segi objektif utama.

Oleh itu, sebuah entiti baru diperlukan untuk melancarkan proses rasionalisasi dan konsolidasi supaya lebih berkesan tetapi pada masa sama menerapkan nilai-nilai kebertanggungjawaban melalui laporan terus kepada Kerajaan Negeri.

Dakwaan dua pemegang saham dalam syarikat itu?

Pada awal penubuhan, kami berdua ditugaskan sebagai 'promoter' (penaja) syarikat untuk

tujuan pendaftaran. Dan ini adalah proses biasa untuk menubuhkan syarikat. Apabila siap, kami menukar pemilikan DEIG kepada milik penuh MBI seperti yang dicatatkan dalam Sijil Pemilikan bertarikh 20 Julai 2015.

Proses catitan rekod penubuhan milik di peringkat Suruhanjaya Syarikat Malaysia sudah dilakukan dan kami masih menunggu maklum balas daripada pihak mereka.

Hakikatnya, kini DEIG adalah 100 peratus milik penuh MBI. Atas dasar kebertanggungjawaban juga, oleh kerana DEIG masih dalam proses awal penubuhan serta masih dalam proses menerapkan tadbir urus korporat, maka tiada suntikan dana selain dari RM2 yang dilakukan.

Segala hal ehwal kewangan tidak akan dilaksanakan selagi sistem tadbir urus korporat tidak dipasakkan ke dalam entiti ini. Daripada segi komposisi lembaga pengarah pula, seperti yang tercatat dalam Borang 49 (Borang Lembaga Pengarah) Ahli Lembaga Pengarah ialah Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khusrin Munawi dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Noordin Sulaiman.

Mereka adalah wakil kerajaan. Kami berdua wakil pengurusan.

Kami sedia maklum terdapat pihak yang mempersoalkan kehadiran kami berdua dalam lembaga pengarah DEIG serta beberapa anak syarikat lain, justeru ingin kami menjelaskan bahawa kami mempunyai peranan khusus iaitu untuk menjalankan proses diagnostik di peringkat anak syarikat bagi tujuan perancangan strategik di peringkat MBI.

Ini adalah fasa pertama dan

apabila proses 'talent acquisition' yang terdiri daripada golongan profesional dilakukan, kami akan serapkan mereka ke dalam lembaga pengarah syarikat-syarikat terbabit.

Dakwaan mengatakan DEIG satu indikator yang bakal berdepan dengan masalah urus tadbir memandangkan entiti ini bebas daripada diaudit?

Ini adalah dakwaan yang tidak berasas. DEIG didaftar mengikut Akta Syarikat 1965 dan adalah milik penuh MBI. Oleh itu, sebarang maklumat operasi dan kewangan di peringkat DEIG akan direkod dalam MBI melalui kaedah 'consolidated account' atau akaun disatukan.

Dari segi 'oversight', akaun DEIG akan diaudit oleh firma terkemuka 'Big Four' dan melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan Risiko. Selain itu, ia juga boleh dinilai agensi kerajaan atau Jawatankuasa DNS

DEIG adalah 100 peratus milik penuh MBI. Atas dasar kebertanggungjawaban juga, oleh kerana DEIG masih dalam proses awal penubuhan, tiada suntikan dana selain dari RM2 yang dilakukan

yang sepatutnya.

MBI kemudian akan membentangkan akaun yang sudah disatukan kepada Kerajaan Negeri dan terbuka untuk audit oleh Jabatan Audit Negara. Kami juga mempunyai perancangan kukuh untuk proses pemilihan pelaburan iaitu segala keputusan akan melalui beberapa 'decision gates' termasuk Jawatankuasa Eksekutif dan Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pegawai kanan kerajaan dan wakil sektor swasta. Setiap aset yang dilaburkan mesti melalui semua proses ini.

Walaupun rumit, ini penting untuk memastikan keputusan yang dibuat adalah telus dan wajar berdasarkan sistem tadbir urus korporat yang terbaik dan ia harus menjadi keutamaan memandangkan kami mem-

gang amanah rakyat Selangor.

Jika DEIG entiti yang akan menguruskan pelaburan 12 anak syarikat, apakah pula peranan MBI selepas ini? Adakah hasil itu akan dapat dinikmati rakyat?

Seperti yang kita katakan, ketika ini MBI ada dua fungsi iaitu melaksanakan pengurusan program memakmurkan rakyat serta pengurusan pelaburan dan aset.

Selepas penstrukturan semula ini, MBI akan memberi lebih fokus kepada soal kebajikan dan kemakmuran rakyat di Selangor melalui program seperti HIJRAH, Wifi Selangorku, UNISEL dan YA-WAS. Peranan MBI akan menjadi lebih jelas dan mudah untuk tujuan penambahbaikan.

Adakah aset milik MBI akan dipindah milik kepada DEIG?

Secara dasarnya, ketika persidangan baru-baru ini, DNS bersetuju bahawa aset-aset Kerajaan Negeri perlu menjalani proses rasionalisasi dan konsolidasi.

Kami sudah meneliti segala pilihan yang ada untuk menjalankan inisiatif ini dan merumuskan bahawa penubuhan DEIG adalah inisiatif terbaik untuk merealisasikan aspirasi berkenaan. Sebagai syarikat pelaburan induk sudah pasti DEIG akan memiliki aset-aset strategik Kerajaan Negeri.

Pelbagai kaedah sedang diteliti antaranya pertukaran syer, suntikan modal baru dan lain-lain lagi. Namun, semua kaedah ini akan dimuktamadkan di peringkat yang sepatutnya dan kami akan memastikan prosesnya jelas sebelum diteruskan bagi memastikan segala proses dilakukan berlandaskan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus korporat terbaik.

Beberapa maklumat sudah kita perolehi daripada pihak berkepentingan untuk diberi pertimbangan sewajarnya.

Apakah jangkaan entiti ini untuk tiga tahun akan datang?

Proses rasionalisasi dan konsolidasi adalah satu 'journey' untuk syarikat GLC dan ia tidak berlaku dalam sekelip mata. Inisiatif ini memerlukan sokongan dan kefahaman daripada semua 'stakeholder' di dalam Kerajaan Negeri dan pihak pengurusan juga harus menetapkan satu sistem tadbir urus korporat yang terbaik.

Pada fasa pertama ini, kami

Selepas semua ini dilakukan, segala maklumat akan digunakan dalam perancangan strategik yang lebih terperinci untuk setiap GLC. Insya Allah pada penghujung tahun ketiga, kita akan melihat impak awal apabila GLC tidak lagi bergantung kepada dana dan peruntukan kerajaan untuk tujuan operasi, sebaliknya mencipta nilai strategik mampan dan menyumbang secara signifikan kepada Kerajaan Negeri dan rakyat Selangor secara amnya

akan melakukan proses diagnostik dan mengumpul data bagi mengenal pasti kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang untuk setiap GLC.

Pada masa sama, kami akan terus mencari modal insan terbaik demi memastikan golongan profesional yang terlatih diberi peluang mengendalikan pengurusan GLC. Dengan adanya modal insan profesional, aspek tadbir urus korporat tinggi akan diterapkan dengan lebih mudah.

Selepas semua ini dilakukan, segala maklumat akan digunakan dalam perancangan strategik yang lebih terperinci untuk setiap GLC. Insya Allah pada penghujung tahun ketiga, kita akan melihat impak awal apabila GLC tidak lagi bergantung kepada dana dan peruntukan kerajaan untuk tujuan operasi, sebaliknya mencipta nilai strategik mampan dan menyumbang secara signifikan kepada Kerajaan Negeri dan rakyat Selangor secara amnya.

Ingin kami tegaskan, penubuhan syarikat induk pelaburan adalah amat penting bukan saja dalam melancarkan proses rasionalisasi dan konsolidasi tetapi juga untuk mempelbagaikan pendapatan Kerajaan Negeri selain bergantung kepada sumber ekonomi sedia.

Cabaran dan keadaan ekonomi global yang tidak stabil memerlukan satu langkah drastik dalam memastikan Kerajaan Negeri berupaya menjaga pendapatan secara mampan pada masa hadapan.





▲ Adun Balakong, Ng Tien Chee turun padang dalam program gotong-royong anjuran Persatuan Penduduk Damai Perdana untuk membanteras pembiakan nyamuk Aedes.



▲ Adun Gombak Setia, Hasbullah Mohd Ridzwan ketika Majlis Perasmian Program Hari Kesihatan dan senamrobik Surau At Takwa Taman Sahabat, Simpang 3, Gombak



▲ Adun Teratai, Tiew Way Keng meraikan sambutan hari lahir warga emas DUN berkenaan



▲ Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh dan masyarakat meraikan Sambutan Hari Merdeka bersama Rukun Tetangga USJ 3/4 dan polis dari balai USJ 8



▲ Adun Rawang, Gan Pei Nei bersama masyarakat ketika Hari Mesra Pelanggan TAWAS DUN berkenaan di Dewan MPS Kampung Melayu Batu 16



▲ Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafiei menyampaikan cenderhati kepada jemaah yang bakal menunaikan ibadah haji di DUN itu



▲ Adun Ijok, Dr Idris Ahmad bersama penderma darah anjuran bersama Pusat Darah Negara, Pejabat ADUN Ijok, Ahli Majlis Zon 4D/E, JKKK Sri Berjantai, PIBG SJKC Yuk Chih



▲ Adun Meru, Dr Abd Rani Osman memberi taklimat dan meraikan seramai 40 wanita untuk mendapatkan pemeriksaan mammogram

STUDIO FOURTEEN is the 1st to provide exquisite SOHO lifestyle with 24-hour doorman and concierge service in Section 14, the city centre of Shah Alam.

STUDIO FOURTEEN

- ✓ **Excellent Location:**
Strategically located in Section 14 which is in the heart of Shah Alam City Centre.
- ✓ **Low Density:**
Studio Fourteen comprises of only 196 units.
- ✓ **State of The Art Facilities:**
We also provide library and business centre with fiber optic infrastructure
- ✓ **Residents Well-Being:**
Roof top Skypark is the place to enjoy the extensive landscaping while enjoying the view from the rooftop garden.
- ✓ **Greater Capital Appreciation:**
In general, a low density project enjoys greater capital appreciation

Price from
RM317,959

SOHO size from 450 sq ft

Pemaju / Tuan Tanah :
MEDINAH COURT SDN. BHD. (839339-X)
Suite C-12-11, Block C, Plaza Mont Kiara, No.2, Jalan Kiara, Mont Kiara, 50480 Kuala Lumpur.
TEL : 603-6201 7723 FAX : 603-6201 6723

Hadiah Sastera Selangor Kini jadi rebutan ramai

OLEH FAZALLAH PIT

"Tidak ada akhbar yang tidak ada halaman sastera."

Entah siapa yang menyebutnya, saya tidak ingat. Yang pasti, ungkapan itu terdengarkan pada hari-hari awal karier kewartawanan, kira-kira 15 tahun lalu.

Dan kata-kata itu begitu likat dalam ingatan, begitu mengesankan lalu menjadi pegangan utuh sepanjang perjalanan karier.

Sejak meninggalkan Berita Harian, bermula dari Suara Keadilan hingga Selangor Kini, halaman seni dan budaya, sedaya upaya dihidupkan walaupun rintangannya bukan sedikit.

Sesekali, ada sahaja unsur politik kekuasaan mengatasi kudrat keinginan.

SAJAK TERHIRIS DI BUMI MERDEKA

Akhirnya semua terasa tersiksa akar kuat yang dulu mengikat kini telah menjadi longgar oleh rasa takut seakan menyangkut

Matahari tak lagi silau dari teriknya bulan tak mampu memantulkan pendar menjadi cinta. semuanya pudar kerana khabar telah meliar tirani mencuri ketika rakyat terlelap

Maka marhain berdiri di tengah dingin bersama orang-orang tertindas menunggu sebuah kepercayaan lahir dari kemerdekaan.

**KAMEEIIA KAMEEI
KUAIA IUMpUR**

"Apa kata kita wujudkan sayembara cerpen dan sajak dalam Selangor Kini? Kemudian, karya pemenang kita bukukan.

"Wah bestnya. Tapi, agak-agak orang atasan setuju tak?" Wajah Sub Editor, Rusidah Salim yang berpengalaman luas dalam penyuntingan novel kreatif seakan-akan bercahaya.

"Entah, nanti saya mengendeng *depa*. Logiknya, Kerajaan Selangor tak ada keangan kewangan. Duit ada, bukan masalah. Soal mahu atau tidak sahaja. Dan ini bukan suatu pembaziran, bahkan keperluan."

Perbualan itu tergantung begitu sahaja berikutan pentadbiran ketika itu tidak berminat apabila cadangan itu diaju secara lisan.

Maka, kertas kerja cadangan yang separa siap, kekal tergelatak dalam skrin komputer, kalau tak silap lebih setahun lamanya.

Hadiah Sastera SelangorKini (HSSK) diilhamkan Jawatankuasa Tetap Negeri Selangor dengan kerjasama pengurusan SelangorKini.

Ia sebagai penghargaan kepada penulis yang berkarya di akhbar rasmi Kerajaan Selangor antara Disember 2014 hingga Oktober 2015.

Penghargaan itu juga sebagai dorongan kepada penulis untuk menghasilkan karya berkualiti sekaligus menjadi khazanah bangsa dan negara.

"Inisiatif ini direncanakan bertujuan untuk menawarkan tulisan bernilai sastera dan mempunyai kandungan pemikiran bermutu kepada rakyat Selangor saban minggu," kata Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawa Selangor, Amirudin Shari.

Halaman ini membuka peluang kepada penulis muda mahupun mapan, dalam mahupun luar Selangor untuk giat berkarya, baik genre cerpen mahupun puisi dan esei.

Ia mendapat sambutan menggalakkan, apatah lagi beberapa pemenang hadiah sastera peringkat nasional turut sama me-

Kagetori Hadiah Sastera Selangor Kini

CERPEN	Pertama (seorang) Saguhati (4 orang)	RM5,000 RM1,000 x 4
PUISI	Pertama (seorang) Saguhati (4 orang)	RM5,000 RM1,000 x 4
ESEI	Pertama (seorang) Saguhati (4 orang)	RM5,000 RM1,000 x 4

nyumbangkan karya.

Antaranya ialah Roslan Jomel, Raihani Mohd Saaid dan Ainunl Muaiyanah Sulaiman.

Tidak ketinggalan novelis indie berbakat, Ridhwan Saidi yang popular dengan novel Amerika dan Stereo Genmai.

Penulis mapan seperti Daeng Ramliakil dan Ami Masra juga memeriahkan halaman ini, malah diserikan penulis dari kelompok siber.

Antaranya, Al-Abror Mohd Yusuf yang pernah dinobatkan sebagai Sasterawan Alam Siber, selain Najmuddin Yusoff dan Rimanilzah.

Penulis muda paling ramai mengirimi karya, antaranya Asyraf Bakti, Karl Agan, Hadi Jaafar, Johan Radzi, Ismail Suhadi dan Syafiq Ghazali.

Kemuncak acara, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dijangka menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam majlis yang dijadual Disember ini.

Penilaian karya bakal dilakukan beberapa pihak di luar editorial SelangorKini yang pakar dalam bidang masing-masing. Kemudian, semua karya pemenang - cerpen, sajak dan esei akan dibukukan. Insya-Allah.

"Hang *free* tak?" Kedengaran suara dari corong telefon bimbit di meja sama tempat mengeteh bersama Rusidah lebih setahun lalu.

"Free la juga. Kenapa?" Gelas teh tarik yang mahu dihirup ketagihannya diletak-

kan kembali ke meja. Ada kehairanan menerpa. Ada tertanya-tanya bersarang.

"*Waibi* nak jumpa. Ada hal penting," kata seorang pegawai kepada Amirudin lewat panggilan telefon pada suatu petang yang redup.

Petang itu juga, saya meredah hujan renyai menaiki vespa merah ke pejabat di Bangunan Setiausaha Kerajaan Selangor menemui Amirudin yang juga Adun Batu Caves itu.

Kami bertemu mesra. Turut sama ialah pegawainya, Ammar Ghazali yang akrab dengan dunia penulisan dan diskusi ilmu. Pelbagai rancangan direncana. Kata sepakat dicapai mudah - lebih mudah daripada menyebut ABC.

"Saya mohonlah kerjasama SelangorKini untuk adakan halaman seni. Siarkanlah cerpen atau sajak. Dan kita akan sediakan anugerah sastera pada akhir tahun kelak."

Kata-kata Amirudin itu masih tergiang-giang.

Bagai pucuk dicita ulam mendatang, saya pantas menyetujuinya. Siapa tak mahu? Belum minta, belumpun serah kertas kerja, sudah dapat!

Kemudian, seberapa segera berurusan dengan Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) khususnya soal honorarium dan hal-hal lain.

Maka sejak itu, lahirlah halaman seni yang kalian tatap ini.

Juga HSSK yang mungkin milik anda.

Fazallah Pit ialah Ketua Pengarang SelangorKini. Esei ini tidak dinilai untuk HSSK.

OLEH AL ABROR MOHD YUSUF

Dia menghembus nafasnya lepas bebas. Udara yang lembab tapi hangat itu terapung-apung setengah detik sebelum dilontar entah ke mana oleh deru angin dari kipas yang tergantung di siling. Di lantai bangkai-bangkai rokok bertaburan. Ehsan Azwani menyedut rokok kreteknya lagi. Sedikit bara di hujung rokok itu meliar terbang dan singgah di pahanya. Cepat ia membakar kain dan mencucuk daging paha, Ehsan Azwani terkejut. Cinta pun hilang.

Hari sudah semakin panas tetapi belum pun tengah hari. Keriuhan kian terasa dan penjaja sayur-sayuran dan ikan di depan restoran mula mengemas dagan-gan masing-masing. Mereka bersedia untuk pulang.

Ehsan Azwani kemudian berteleku di meja yang sudah dihadapnya sejak dua jam yang lalu. Dia kurang memberikan perhatian kepada sekeliling. Baginya, tidak ada yang lebih penting daripada Cinta yang menemaninya sejak awal tadi. Tidak ada.

"Memang takdirnya kita begini, Ehsan," kata Cinta. Tangannya terasa mengelus rambut lelaki itu. Ehsan Azwani melentokkan kepalanya ke kanan supaya ia lebih akrab dan dekat dengan tangan Cinta. Matanya dipejamkan rapat-rapat. Ehsan Azwani berasa dia seolah-olah pencandu rindu yang amat tegar dan dia tidak peduli jika tindak-tanduknya itu menyebabkan orang lain meluat. Dan memang tidak ada sesiapa pun yang peduli lentokan serta mata pejam Ehsan Azwani.

"Aku perlukan kau setiap masa," kata Ehsan Azwani perlahan, hampir-hampir bersifat bisikan untuk dirinya sendiri.

Dengung dari kipas dalam kotak logam yang membekalkan penyaman udara ke dalam pasar raya di sebelum restoran itu menenggelamkan hampir semua kata-kata yang diucap. Untuk berbual pelanggan restoran terpaksa meninggikan suara - suatu perbuatan yang tidak perlu jika mereka mengunjungi premis lain yang kurang bingit. Entah mengapa mereka masih gemar ke restoran itu walaupun terpaksa bercakap seperti menjerit untuk melawan bunyi kipas berdentung itu.

Ehsan Azwani mencelup roti canai ke teh tarik di depannya. Kuah dal dan kari yang ada di dulang besi tidak diusiknya. Hati sedang diamuk cinta - segalanya serba aneh. Roti canai dengan kuah dal atau kari bukan selera Ehsan Az-



Lama dia menunggu kata-kata daripada Cinta. Sangat lama. Maka terpaksa Ehsan Azwani menahan dirinya untuk bersabar. Dia tertunggu-tunggu bibir mulus Cinta. Bagi Ehsan Azwani kalau Cinta mendengus pun, memadailah. Tidak perlu kata-kata bombastik, atau ayat berbunga-bunga untuk mengubat derita jiwa gersangnya ketika itu.

wani pada pagi itu. Dia mahu yang manis-manis saja. Semanis Cinta yang ada bersamanya.

Masa terus berjalan seadanya. Namun Ehsan Azwani rimas kerana baginya, masa bukan sekadar mencemburui malah dengki khianat kepadanya. Sedetik berlalu dirasakan Ehsan Azwani bagaimana lima saat lebih laju dari biasa. Ehsan Azwani makin resah. Dia mahu lebih lama di sisi Cinta. Dia mahu lebih mesra dengan Cinta. Dia mahu lebih bermanja di bahu Cinta.

Lama dia menunggu kata-kata daripada Cinta. Sangat lama. Maka terpaksa Ehsan Azwani menahan dirinya untuk bersabar. Dia tertunggu-tunggu bibir mulus Cinta. Bagi Ehsan Azwani kalau

Cinta mendengus pun, memadailah. Tidak perlu kata-kata bombastik, atau ayat berbunga-bunga untuk mengubat derita jiwa gersangnya ketika itu.

Ehsan Azwani membuka mulutnya. Cinta dengan lemah lembut menghulurkan gelas berisi teh tarik untuk dihirupnya. Dia mencicip minuman itu agar tidak habis sepenuhnya. Biar ia lebih lama bertakung di dalam gelas. Ehsan Azwani mahu terus memesrai Cinta dan suasana di restoran itu. Andainya ditakdirkan Cinta meminta mereka bermalam di situ sehingga lusa pun, dia pasti rela.

"Hmmm..." Cinta mengeluh. Ehsan Azwani segera memandangi dengan teliti. Bimbang jika Cinta kepanasan. Cinta mendongak sambil memejamkan mata. Pandangan Ehsan Azwani tertangkap pada leher jinjang Cinta. Dia melihat taburan bulu roma yang halus dan hampir-hampir tidak kelihatan di situ.

"Kau panas, Cinta?" tanya Ehsan Azwani. Cinta tidak menjawab. Segera Ehsan Azwani mendongak juga mencari kalau-kalau ada kipas yang terlupa dihidupkan oleh pekerja restoran itu. Nampaknya semua kipas berputar dengan laju. Ehsan Azwani lega. Itu bermakna peluangnya untuk berada di sisi Cinta lebih lama akan terbuka luas.

"Nak minum apa?" tanya Eh-

san Azwani lembut. Dia sengaja melembutkan percakapannya selembut mungkin. Tidak sanggup dia mengasari hati wanita secantik dan seromantik itu. Tidak. Cinta tidak menjawab. Dia cuma melirik manja memandangi Ehsan Azwani dan waktu tiba-tiba terasa bagaikan terpasung seketika. Hati Ehsan Azwani berdegup kencang.

Ehsan Azwani menggandeng tangan Cinta dan meletakkannya di paha berbalut jeans biru lusuh dan keperangan kerana sudah dua minggu tidak berbasuh. Panas telapak tangan Cinta terasa meresap jauh ke dalam tulang.

Pertemuan itu memang tidak dijangka. Ia adalah sangat spontan dan dramatik - sekurangnya untuk Ehsan Azwani. Berawal secara spontan dan bersejarah, tetapi kemudian perlahan-lahan berkembang menjadi antara detik paling indah dalam hidup lelaki berusia 40 tahun itu.

Ia seolah-olah siri drama bersiri di televisyen setiap senja yang penuh dengan suspen, intrig dan ketegangan. Sebagai seorang lelaki yang berasaskan dirinya matang Ehsan Azwani membiarkan detik berlalu sewajarnya dan pertemuan itu berlangsung semes-

ranya.

Kipas siling berputar ligat. Mungkin pada kelajuan maksimum. Ia tidak peduli kepada sesiapa pun yang berada di dalam restoran berkenaan. Tidak perlu peduli sama ada pelanggan panas atau sejuk, kipas itu berputar taat mengikut kelajuan yang ditetapkan pelayan.

Ehsan Azwani berjalan meninggalkan kereta Wiranya yang tiga bulan tidak disentuh sabun cucian kenderaan di bawah pokok ketapang di belakang restoran apabila matanya terpancang selembut kertas berwarna dibawa angin singgah di cermin kereta di sebelahnya.

Kertas agak tebal dan berkilat itu cepat menarik perhatiannya. Angin memang agak kuat pada pagi itu. Sebelum angin membawa kertas berwarna itu pergi lebih jauh Ehsan Azwani menyambarnya. Ehsan Azwani memandang halaman berkenaan.

Wajah seorang gadis genit berbaju kebaya yang dikenali sebagai pelakon popular itu terseenyum lebar terpampang pada helaian berkenaan. Mengiringi gambar berkenaan ialah sedikit rencana yang diawali tajuk: "Cinta nafi punca cerai artis."

Kirim cerpen dan puisi kepada seniselangor@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang

**JaBatan kErJa ra Ya
kEnYataan tEndEr**



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID pUNCAK pERDANA, SEKSYEN U10, SHAH AI AM, DAERAH pETAI ING, SEIANGOR DARUI EHSAN JKR/SEI/(N)034/(T)/2015	Bumiputera T1 <i>Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri selangor (UPEN)</i>	CIDB, SpKK ,pKK & UpEN Gred : G7 Kategori : B pengkhususan: B04	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 27.08.2015 (Khamis) Sehingga 09.09.2015 (Rabu)	RM870.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang pos) Atas Nama pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan,JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor pada: 17/09/2015 (Khamis) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447755

pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	pEMASANGAN EI EKTRIK UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN pENTADBIRAN MASJID SUI TAN SAI AHUDDIN ABDUI AZIZ SHAH, SHAH AI AM, SEIANGOR DARUI EHSAN JKR/SEI/(N)037(T)/2015	Bumiputera T1	CIDB, SpKK ,pKK & UpEN Gred : G7/G6/G5 Kategori : ME pengkhususan: E02, E04 & E11	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 27/08/2015 (Khamis) Sehingga 10/09/2015 (Khamis)	RM300.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang pos) Atas Nama pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan,JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor pada: 17/09/2015 (Khamis) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bhg. Elektrik Tingkat 1, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447730

pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA MEMBEKAI , MEMASANG, MENGUJI SERTA MENGUJITERIMA SISTEM pENCEGAH KEBAKARAN BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN IBU pEJABAT JABATAN KERJA RAYA NEGERI SEIANGOR, DARUI EHSAN JKR/SEI/(N)035(T)/2015	Bumiputera T1	CIDB, SpKK, pKK & UpEN Gred : G3 Kategori : ME pengkhususan: M02	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 25/08/2015 (Selasa) Sehingga 08/09/2015 (Selasa)	RM208.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang pos) Atas Nama pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor pada: 17/09/2015 (Khamis) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Di WAJIBKAN pada 25/8/2015 (Selasa) jam 9.30 pagi. Bertempat Bilik Mesyuarat, Tingkat 1, JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Sek. 17, Shah Alam. Sebarang pertanyaan hubungi Bhg. Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Sek. 17, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55194041

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam siji pKK, SpKK, pUKONSA atau UpKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan siji-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)

Tempatan: A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



Pemenang bulanan eZO Bulan Pertama

e-Zakat Online tawar umrah percuma

SHAH ALAM - Orang ramai masih berpeluang memenangi pakej umrah secara percuma melalui pendaftaran e-Zakat Online (eZO) sehingga 18 November ini.

Kempen itu membolehkan peserta memenangi pakej umrah bernilai RM6,000 bagi hadiah utama selain pakej pelancongan dan gajet kepada pemenang bertuah. Selain itu, pengeluar zakat juga berpeluang menyemak maklumat bayaran, mengemaskini maklumat, membayar zakat secara atas talian dan mencetak penyata.

"Semua pemenang dipilih melalui cabutan selepas tamat tempoh kempen dengan hanya perlu klik di laman sesawang www.zakatselangor.com.my/

ezO," kata Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam satu kenyataan.

Selain hadiah utama, pembayar zakat juga berpeluang memenangi baucer bulanan RM500 sebelum kemuncak kempen eZO berlangsung.

Peluang peserta untuk memenangi hadiah akan lebih tinggi jika menunaikan zakat sama ada fitrah atau harta sepanjang tempoh kempen menggunakan kaedah atas talian.

"Bagi peserta yang mendaftar eZO, cabutan nama hanya akan dilakukan sekali, manakala peserta yang mendaftar eZO dan menunaikan zakat secara atas talian akan dicabut sebanyak dua kali," katanya.

Penerima zakat mohon maaf

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) kesal dengan tindakan penerima bantuan zakat, Syamsurni Sunan kerana memberi maklumat tidak tepat kepada media sehingga mengundang salah faham masyarakat kepada institusi zakat keseluruhannya.

Berikutan laporan media yang menjadi viral di laman sosial itu, Pegawai Agihan LZS Daerah Gombak bersama wartawan sebuah media menziarahi Syamsurni di kediamannya.

"Dalam pertemuan itu, Syamsurni membuat permohonan maaf dan mengaku menerima semua bantuan LZS dan kesal kerana memberi maklumat kurang tepat kepada media sebelum ini.

"Sinar Harian juga memaparkan berita baru bagi menjelaskan laporan mereka dan LZS berharap insiden seperti ini tidak berulang pada masa akan datang.

"Kami menyeru kepada semua

sahabat untuk memeriksa kesahihan maklumat dan berita yang diterima sebelum menyebarkan kepada orang ramai," menurut satu kenyataan LZS yang dimuat naik di laman sosial facebook rasminya, pada 24 Ogos lalu.

Sebelum itu, dalam kenyataan lain, LZS menyatakan keluarga Syamsurni mula menerima bantuan lembaga itu, sejak 2001.

Antara bantuan diterima Syamsurni adalah kewangan bulanan RM250, makanan bulanan dihantar terus ke rumah, bantuan pendidikan untuk dua orang anaknya yang bersekolah menengah dan bantuan hari raya RM650.

Selain itu, LZS juga mencari beberapa rumah sewa dan menawarkan membayarnya untuk Syamsurni sekeluarga bagi menggantikan kediaman sedia ada yang sudah uzur, namun tawaran itu ditolak.

SERTAI KEMPEN DAFTAR eZAKAT ONLINE



Kelebihan Daftar eZakat Online

- Semak maklumat bayaran zakat
- Cetak penyata bayaran zakat
- Kemaskini profil individu
- Boleh terus menunaikan zakat melalui ezakatpay

@ www.zakatselangor.com.my/ezo



**ANDA BERPELUANG
MENANGI
PELBAGAI HADIAH MENARIK**



**HADIAH UTAMA
PAKEJ UMRAH
BERNILAI RM6,000**

**SERTAI
SEKARANG!
ANDA BERTUAH
ANDA MENANG**

PERTAMA

PAKEJ
PELANCONGAN
BERNILAI RM3,000

KEDUA

PAKEJ PELANCONGAN
BERNILAI RM2,000

**30 SAGUHATI
BERNILAI RM100**

KETIGA
GAJET BERNILAI
RM1,000

**HADIAH
BULANAN
BAUCER BERNILAI
4 X RM500**

**TEMPOH
18 Jun hingga
18 Nov 2015**

Cara MUDAH menyertai

- 1 DAFTAR di eZakat Online (eZO) di www.zakatselangor.com.my/ezo & isi ruang persetujuan menyertai kempen.
- 2 TUNAI ZAKAT Harta atau Fitrah melalui online sama ada melalui ezakatpay (www.zakatselangor.com.my/ezakatpay), e-spg (e-Skim Potongan Gaji), perbankan internet, mobile banking, mesin ATM dan Telco (sms).

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk)".

(at-Taubah: ayat-103)

Terma dan syarat sila rujuk
www.zakatselangor.com.my

INFO LANJUT: 1 800 88 5353 / 03 5522 7700
NOORMALA: Samb 730 HIDAYAH ISMAIL: Samb 869 ZAFIRUL: Samb 842

OLEH AFEEQA AFEERA

SELYANG - Program Pagi Tanpa Kenderaan diperkenalkan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sebagai galakan hidup sihat dalam kalangan masyarakat tempatan.

Pengarah Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad, berkata aktiviti santai itu berlangsung di sekitar Bandar Baru Selayang, pada 6 September ini.

"Selain mendorong rakyat mengamalkan gaya hidup sihat, ia berupaya mengurangkan pencemaran udara dengan menggalakkan penggunaan alat pengangkutan mesra alam," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, penutupan jalan bagi aktiviti berkenaan dilaksanakan secara berpering-

Pagi tanpa kenderaan galak hidup sihat

kat membabitkan beberapa kawasan di perbandaran itu.

Antaranya, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang; Bulatan Beringin; Lebuhraya Selayang-Kepong; Jalan Bidara; Persiaran 3, Bandar Baru Selayang dan Bulatan Siantan.

"Pelbagai aktiviti dianjurkan seperti berbasikal, jalan kaki, kasut roda, papan selaju, ceramah Jom Sihat dan cabutan bertuah.

"Pendaftaran bermula pada

jam 7.00 pagi dan 300 penyer-taan terawal akan mendapat cenderahati serta t-shirt percuma," katanya.

Program bakal dirasmikan Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS di talian 03-61265808 atau layari laman sesawang www.mps.gov.my.

“Ia berupaya mengurangkan pencemaran udara dengan menggalakkan penggunaan alat pengangkutan mesra alam

MOHAMAD ZIN MASOAD

Pengarah Korporat MPS



MPK keluar 21 kompaun kebersihan

SHAH ALAM - Sebanyak 21 kompaun dan 14 notis membabitkan pelbagai kesalahan perniagaan dikeluarkan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dalam operasi khas, baru-baru ini.

Operasi diketuai Pengarah Jabatan Kesihatan MPK, Zulkifli Abbas dilakukan berdasarkan aduan awam yang peka terhadap isu membabitkan kebersihan pengusaha restoran dalam menjalankan perniagaan.

Ketua Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz, berkata MPK juga mengeluarkan kompaun bagi kesalahan meletakkan halangan di laluan awam, membuang sisa makanan ke dalam longkang dan meletakkan sampah di luar tempat sampah selain daripada kompaun kebersihan.

Turut dikenakan kompaun adalah kesalahan menjadikan tempat sampah sebagai stor meletakkan peralatan perniagaan dan terdapat segelintir peniaga yang tidak memberikan imunisasi demam kepialu kepada pekerja mereka.

"MPK memandang serius isu berkenaan kebersihan kerana ia melibatkan kepentingan awam dan sentiasa komited dalam menjalankan operasi penguatkuasaan.

"Operasi seperti itu diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada pihak yang mengingkari arahan ditetapkan," katanya dalam kenyataan.

Norfiza berkata, MPK juga mengalu-alukan sebarang aduan, cadangan dan pendapat daripada orang awam bagi mengatasi isu kebersihan terutama dalam kalangan pemilik premis.

Ops Gagak kembali lagi

SHAH ALAM - Ops Gagak Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) kembali lagi dengan misi sama mengurangkan populasi hidupan liar itu yang selama ini menjadi ancaman buat penduduk dan masalah kebersihan, pada 23 Ogos lalu.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali, berkata penganjuran edisi ke-5 itu sebahagian daripada inisiatif memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan pengurusan sampah dan sisa pepejal.

"Kita juga berhasrat tinggi meningkatkan tahap kebersihan dan mewujudkan persekitaran yang baik, sekali gus memberi keselesaan kepada masyarakat setempat.

"Ia selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri menjayakan misi 'sifar sampah' yang dilancarkan Dato' Menteri Besar tahun lalu," katanya dalam kenyataan kepada



da Selangor Kini.

Mohd Azhar berkata, MDKL mengenalpasti beberapa kawasan 'hotspot' membabitkan

pekan Tanjung Sepat, Banting, Telok Panglima Garang dan Bandar Saujana Putra serta pekan baru Sungai Jarom.

Kebanyakan hotspot dikenalpasti tertumpu di kawasan pasar, perumahan dan longkang sampah haram.

Pengangkutan awam bukan beban

SUBANG JAYA - Masyarakat khususnya penduduk bandar perlu membuang persepsi buruk berhubung pembangunan serta kemudahan pengangkutan awam.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT) tidak seharusnya dianggap sebagai sesuatu yang membebaskan dan menyusahkan.

Katanya, kemudahan disediakan kerajaan itu seharusnya dipandang sebagai kemudahan untuk semua terutama golongan kurang berkemampuan.

"Jangan fikir untuk diri kita di sini,

mungkin kita mampu dan tidak berhadapan masalah untuk bergerak dengan kenderaan sendiri.

"Tetapi, fikirlah untuk generasi akan datang. Dengan kos hidup tinggi, mereka mungkin tidak mampu. Jadi untuk permulaan, kemudahan pengangkutan awam akan memberi manfaat buat mereka," katanya.

Beliau bercakap demikian dalam ucapan penutup majlis dialog serta taklimat Stesen 6 LRT bersama Kumpulan Prasarana di Padang Asam SS14, di sini, pada 22 Ogos lalu.

Ia turut dihadiri Ahli Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen dan Naib

Presiden Kanan Kemudahan Prasarana Kelana Jaya (PKJ), Henny Shahril Kasiran.

Pada masa sama, Hannah memuji komitmen ditunjukkan penduduk dalam memberikan pandangan dan kerjasama untuk projek pembangunan di kawasan mereka.

"Lebih 100 menghadiri sesi kali ini, tentu suara lebih luas dapat didengar dan ditekankan kepada pihak berkenaan.

"Ini menunjukkan masyarakat semakin peka dan sedar hak mereka menyuarakan pandangan atau ketidakpuasan hati mengikut saluran yang betul," katanya.

“Jangan fikir untuk diri kita di sini, mungkin kita mampu dan tidak berhadapan masalah untuk bergerak dengan kenderaan sendiri

HANNAH YEOH
Adun Subang Jaya



Sebahagian peserta Program Berbasikal Kayuhan Santai ketika upacara pelepasan, pada 19 Ogos lalu

250 peserta berbasikal kibar Jalur Gemilang

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Seramai 250 peserta pelbagai peringkat usia menyertai Program Berbasikal Kayuhan Santai sempena Hari Kemerdekaan kali ke-58.

Timbalan Pengarah Korporat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata peserta membawa Jalur Gemilang bagi menyahut seruan kempen Kibarkan Jalur Gemilang.

"Ia bertujuan menerapkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan pelajar dan guru.

"Program ini dapat menaikkan

semangat patriotik dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda," katanya kepada Selangor Kini, pada 19 Ogos lalu.

Bermula di Dataran Kemerdekaan, peserta dilepaskan Timbalan Datuk Bandar, Shukri Mohamad Hamin pada jam 8.30 pagi dan berkayuh sejauh 30 kilometer mengelilingi pusat bandar.

Mereka turut singgah di lima sekolah terpilih iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, SMK Seksyen 7, SMK Seksyen 16, SMK Seksyen 19 dan SMK Seksyen 24 bagi menyerahkan Jalur Gemilang.

180 rumah kena waran

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjalankan operasi bersepadu membersihkan kawasan PJS5 bagi menggalakkan orang ramai membayar cukai taksiran.

Ketua Operasinya, Key Iskandar Abdul Jalil, berkata 180 rumah dikenakan waran tetapi sehingga kini masih tidak mahu menjelaskan cukai, sejak April lalu.

"Maklumat yang kami terima, antara sebab penduduk tidak mahu menyelesaikan pembayaran cukai kerana MBPJ tidak memberi perkhidmatan.

"Sebenarnya, kawasan perumahan kos rendah ini di bawah pentadbiran Badan Pengurusan Bersama (JMB). MBPJ tidak dibenarkan membuat sebarang baik pulih jalan, sapu sampah dan penangkapan anjing liar," katanya, pada 20 Ogos lalu.

Key Iskandar, berkata MBPJ hanya dibenarkan membuat sebarang baik pulih di luar kawasan perumahan.


"Oleh itu, MBPJ membawa kontraktor luar bersama lima jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk baik pulih kawasan perumahan ini untuk operasi itu.

"Selepas selesai baik pulih, notis peringatan ditampal kerana MBPJ akan mengadakan minggu operasi waran tahanan (sitaan) dan kempen bayar cukai taksiran," katanya.

amandarii
BOUTIQUE BUNGALOWS BY THE GREENS
KAJANG



Tinggal 5 unit sahaja



PEGANGAN BEBAS



Kepadatan rendah 36 unit
Berdekatan dengan stesen MRT
Sg. Kantan • Laluan Kajang-Sg Buloh
Ketinggian siling dua ganda

GuocoLand
A Member of the Hong Leong Group

Ace Acres Sdn Bhd (708782-M)
Level 19, Block B, HP Towers, 12,
Jalan Gelenggang, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur

1300-13-0035
www.guocoland.com.my

Kemudahan lengkap

UNISEL setaraf IPTA

SHAH ALAM - Ibu bapa menyifatkan Universiti Selangor (UNISEL) sebagai sebuah institut pengajian tinggi swasta (IPTS) yang bertaraf awam (IPTA).

Tanggapan itu dibuat berdasarkan kemudahan serta fasiliti yang disediakan di dua kampus UNISEL yang terletak di Bestari Jaya dan Shah Alam.

Ibu bapa ternyata berpuas hati dengan apa yang ada di UNISEL dan ia menjadi salah satu faktor mengapa mereka menghantar anak melanjutkan pengajian di sana.

Kakitangan swasta, S Sharma, 56, berkata dia menyifatkan UNISEL sebagai sebuah medan pembelajaran yang bagus.

Sharmala berkata, fasiliti yang ada sangat lengkap dan ia membantu pelajar sepanjang sesi pembelajaran.

Malah, apa yang menarik perhatiannya adalah keadaan persekitaran UNISEL Bestari Jaya yang cantik kerana dihiasai pokok dan terdapat tasik.

"Memang tiada apa yang saya nak merungut kerana semuanya baik di sini. Persekitarannya

sememangnya sangat sesuai untuk pembelajaran," katanya yang ditemui ketika mendaftar anaknya di UNISEL Kampus Bestari Jaya, di sini, baru-baru ini.

Bagi kakitangan kerajaan, Ramlee Nordin, 54, kemudahan asrama disediakan antara faktor dia mahu anaknya meneruskan pengajian ijazah di universiti milik Kerajaan Negeri itu.

Ramlee berkata, asrama sangat memudahkan pelajar untuk ke kuliah.

"Bila tinggal di asrama lebih selamat berbanding di luar seperti sebelum ini. Kini, saya rasa lega terutama aspek keselamatan anak yang tinggal di dalam kampus," katanya.

Sementara itu, guru, Siti Hawa Hashim, 30, berkata dia berpuas hati kerana adiknya menetap di asrama dan ia lebih menjimatkan.

Siti Hawa menyifatkan apa yang ditawarkan di UNISEL adalah teratur dan lengkap.

"Memang setaraf IPTA melihat apa yang ada di sini dan saya sangat berpuas hati," katanya.



Ibu bapa pelajar menunggu ketika sesi pendaftaran UNISEL

Tadika berkonsep institusi pendidikan

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri dalam usaha mewujudkan model tadika berkonsep institusi pendidikan pra sekolah bersesuaian untuk pembelajaran semua kaum, tahun depan.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata modul pembelajaran tadika model itu

diambil dan ditambah baik dari Indonesia.

"Kita menggunakan modul dari Jakarta dan Bandung yang ditambah baik. Tadika ini projek perintis yang dilaksanakan 2016," katanya menjawab pertanyaan Haniza Talha (PKR-Taman Medan) di Sidang Dewan Negeri Selangor, pada 19 Ogos lalu.

Nik Nazmi (PKR-Seri Setia), berkata Kerajaan Negeri berhasrat memberi latihan kakitangan dan

tenaga pengajar bagi program itu.

"Satu cabaran apabila bidang pendidikan terletak di bawah Kerajaan Persekutuan, namun kita melihat daripada segi latihan dan mahu mereka mengikut piawai yang pelbagai.

"Bagaimanapun, ketika ini kawasan untuk melaksanakan model itu masih dalam pemerhatian dan setiap Adun boleh menghantar cadangan kepada saya," katanya.

Manfaat pendidikan awal kanak-kanak

SHAH ALAM - Festival Buku dan Kanak-Kanak (FESBUK) perlu dimanfaatkan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana kini masyarakat semakin leka dengan penggunaan gajet.

Pengurus Ezra Sanders Education Sdn Bhd, L Raja, berkata mendidik anak pada zaman milenium tidak sama dengan dahulu.

"Peluang di FESBUK harus dimanfaatkan sebaiknya oleh ibu bapa dalam usaha mendidik anak menjadi insan positif.

"Di sini, ibu bapa dapat mencari ilmu melalui pembacaan, mendengar program yang dijalankan, menghadiri bedah buku dan mendapatkan nasihat pakar motivasi," katanya.

FESBUK anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor



(PKNS) Real Estate bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) berlangsung pada 21 hingga 23 Ogos lalu.

Sementara itu, pelajar Sekolah Ash Shura, Nur Shafiqah Aisyah Shafiq, 14, berkata jualan buku di FESBUK itu juga dapat memperkenalkan sekolahnya yang baru dibuka lima tahun lalu.

"Pendidikan Islam juga penting untuk ibu bapa terapkan dalam mendidik anak sewal usia. Selain itu, pengajian bahasa Arab dan al-Quran juga ada ditawarkan untuk orang dewasa.

"Di samping itu, saya juga

merasakan keseronokan berniaga dan ingin terus berusaha belajar lebih mendalam untuk usahawan yang berjaya satu hari nanti," katanya.

Penyelia Dakwah Bookstore, Nur Sabihah Md Azli, 24, berkata manfaat itu dapat dilihat melalui pelbagai program yang dijalankan FESBUK sangat bermanfaat terutama kepada anak taska.

"Seperti aktiviti dan persembahan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor (MPTS) yang mendidik kanak-kanak lebih berkeyakinan membuat persembahan di atas pentas berhadapan dengan ramai penonton tanpa rasa malu dan takut

"Diharap PKNS Real Estate dapat terus menjalankan program seperti ini pada tahun akan datang," katanya.

JOM DAFTAR! KURSUS KEMAHIRAN

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI NEGERI SELANGOR

Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi

[KURSUS KEMAHIRAN JANGKA PENDEK]

Dengan Kerjasama :-

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

1. Pemohon lahir di Negeri Selangor ATAU telah bermastautin lebih daripada 10 tahun di Negeri Selangor.
2. Umur semasa mendaftar sekurang-kurangnya 17 tahun ke atas.
3. Berminat dan bersedia untuk menamatkan kursus mengikut modul yang telah ditetapkan.

TEMPAT
KOLEJ ANTARABANGSA INPENS
JALAN SEMARAK, 45000 KUALA SELANGOR,
SELANGOR DARUL EHSAN.

MASA
10.00 PAGI - 5.00 PETANG
*SARAPAN DISEDIAKAN

HUBUNGI PEJABAT DAERAH
UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Tarikh Kursus	Modul
8 & 9 Ogos 2015 (Sabtu & Ahad)	1. Program Motorsikal
3 & 4 Oktober 2015 (Sabtu & Ahad)	2. Program Dandan Rambut
10 & 11 Oktober 2015 (Sabtu & Ahad)	3. Program Penyejukkan & Penyeraman Udara
	4. Program Jahitan
	5. Program Kecantikan

TEMPAT
INSTITUT TEKNOLOGI KULINARI ANJUNG UTARA
KAMPUNG BESIR TENGAH, KUALA KUBU BHARU
SELANGOR DARUL EHSAN.

MASA
10.00 PAGI - 5.00 PETANG
*SARAPAN DISEDIAKAN

HUBUNGI PEJABAT DAERAH
UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Daerah	Tarikh Kursus	Modul
Gombak	17 Ogos 2015 (Isnin)	Nasi Arab dan Set Lauk Arab
Kuala Langat	18 Ogos 2015 (Selasa)	Roli Canai dan Murtabak
Klang	19 Ogos 2015 (Rabu)	Nasi Ayam Hainan
Hulu Selangor	20 Ogos 2015 (Khamis)	Ayam Penyet dan Pecal Lele
Kuala Selangor	22 Ogos 2015 (Sabtu)	Cendol dan Aneka Rojak
Petaling	23 Ogos 2015 (Ahad)	Aneka Mee dan Soto
Sepang	24 Ogos 2015 (Isnin)	Nasi Lemak Bungkus dan 15 Lauk Pauk
Hulu Langat	25 Ogos 2015 (Selasa)	Makanan Jajaan
Sabak Bernam	26 Ogos 2015 (Rabu)	Frozen Food dan Makanan Dingin Beku

Komited bantu nelayan pantai dan sungai

556 terima bantuan RM1.3 juta



OLEH NAZLI IBRAHIM

SABAK BERNAM - Kerajaan Negeri sentiasa memastikan hasil diperolehinya dikongsi kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan nelayan pantai.

Exco Pembedaan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata sehingga kini Kerajaan Negeri sudah membelanjakan RM1.3 juta bagi membantu golongan itu meningkatkan pendapatan mereka.

"Bagi bantuan nelayan pantai atau tradisional, Kerajaan Negeri menyediakan program bantuan apabila mereka yang layak menerima sampan, enjin bot, jala dan

peralatan menangkap ikan.

"Sejak 2012, 556 nelayan pantai menerima bantuan berbentuk sampan, enjin dan peralatan menangkap ikan melibatkan peruntukan lebih kurang RM1.3 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pertandingan Memancing Ikan Tradisional, Jamuan Rakyat dan Pelepasan Benih Ikan di Parit 12, Sungai Panjang, di sini, pada 23 Ogos lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri terus komited membantu golongan nelayan pantai dan sungai dengan pelbagai bantuan berdasarkan keperluan semasa golongan itu.

Bagi membantu nelayan sungai pula, Kerajaan Negeri beru-

“Kerajaan Negeri menyediakan program bantuan apabila mereka yang layak menerima sampan, enjin bot, jala dan peralatan menangkap ikan

Zaidy Abdul Talib
Exco Pembedaan Pertanian dan Industri Asas Tani

saha memastikan spesies ikan yang menjadikan sungai di Selangor sebagai habitat terus terpelihara daripada kepupusan.

Lepas 747,000 benih ikan air tawar

SABAK BERNAM - Bagi memastikan bekalan ikan air tawar terjamin dan ekosistem sungai, tasik dan takungan umum di Selangor terpelihara, Kerajaan Negeri melepaskan 747,000 benihnya dengan nilai RM400,000 sejak 2012.

Exco Pembedaan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata langkah itu juga dapat menambah pendapatan sampingan penduduk terlibat khususnya nelayan ikan air tawar.

"Hingga kini, Kerajaan Negeri belum lagi melaksanakan program bantuan kepada nelayan sungai seperti diberikan kepada nelayan pantai, namun melepaskan 747,700 benih ikan di sungai, tasik dan takungan umum melibatkan peruntukan hampir RM400,000 melalui Jabatan Perikanan Negeri.

"Tujuan pelepasan benih untuk meningkatkan lagi spesies ikan sungai. Kita mengharapkan benih itu membesar dan membiak dengan banyak yang secara tidak langsung dapat dijadikan pendapatan sampingan kepada penduduk di kawasan ini khususnya nelayan sungai," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri program melepaskan 10,000 benih ikan dengan nilai RM7,000 di Parit 4 dan Parit 10, Sungai Panjang, di

Sabak Bernam mempunyai jumlah nelayan sungai berdaftar paling ramai iaitu seramai 25 orang berbanding 50 orang bagi seluruh Selangor.

sini, pada 23 Ogos lalu.

Katanya, pelepasan benih ikan di Selangor melibatkan spesies ikan sepat, haruan, puyu, lampam, patin, roho, keli dan baung.

Zaidy berkata, Sabak Bernam mempunyai jumlah nelayan sungai berdaftar paling ramai iaitu seramai 25 orang berbanding 50 orang bagi seluruh Selangor.

Terdahulu, pertandingan memancing tradisional yang diadakan itu mendapat sambutan menggalakkan apabila berjaya mencatat 784 peserta.

Pertandingan yang menawarkan hadiah sebuah motorsikal, wang tunai RM3,250 dan hamper itu terbuka kepada seluruh penduduk Sabak Bernam.

"Pertandingan ini hanya boleh menggunakan joran tradisional sahaja dengan tali pancing tanpa menggunakan mesin atau 'reel' memancing. Sasaran penyertaan 500 peserta, namun yang hadir melebihi jumlah itu," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA,
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor Negeri Selangor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dalam grad kategori dan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja – kerja berikut :

Bil	No.Tender	Tajuk Kerja	Bidang, Sub Bidang & Pecahan Bidang	Harga Dokumen
1	MP Sepang 400-10/12-47/2015 BGN	Cadangan Kerja-Kerja Membina Dan Menyiapkan 1 Unit Pusat Penjaja Di Desa Pinggiran Putra Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	SPKK, CIDB G4, Pengkhususan B 04 ATAU B 24 dan UPEN	RM300.00

2. Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Pengurusan Perolehan)**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **14 hb Ogos 2015** hingga **10 hb September 2015** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Kontraktor-kontraktor adalah diwajibkan untuk membuat lawatan tapak bersama pegawai penguasa atau wakilnya. Hanya penender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Penender dikehendaki melaporkan diri di tempat, tarikh dan masa seperti tersebut :-

Tarikh : **18 hb Ogos 2015**
Masa : **10,00 pagi.**
Tempat Berkumpul : **Bilik Semarak, Tingkat 4, Majlis Perbandaran Sepang**

4. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **10 hb September 2015**. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Bangunan (03-83190200 ext 353), Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 Cyberjaya.

5. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor Bumiputera Negeri Selangor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja – kerja berikut :

Bil	No.Tender	Tajuk Kerja	Bidang, Sub Bidang & Pecahan Bidang	Harga Dokumen
1	MP Sepang 400-10/12-55/2015 JKP	Cadangan Perkhidmatan Bagi Kerja-Kerja Mencuci Bangunan Dan Pembersihan Di Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Sepang	221001(Pembersihan Bangunan Dan Pejabat) Dan 221002 (Membersih Kawasan)	RM100.00

2. Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Pengurusan Perolehan)**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **24 hb Ogos 2015** hingga **21 hb September 2015** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **21 hb September 2015**

4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Erti kebebasan belum dirasakan sepenuhnya suku kaum Orang Asal walaupun hampir 58 tahun negara sudah mencapai kemerdekaan.

Naib Presiden Jaringan Orang Asal Semenanjung, Yusri Ahon, berkata etnik itu terus terpinggir apabila tanah mereka diambil dan dilabel sebagai penceroboh di sebalik kemodenan yang melanda negara.

Katanya, tidak seperti masyarakat lain, etnik itu dianggap tidak mempunyai keistimewaan dan sering ditindas.

"Orang Asal apabila tanah mereka diceroboh, mereka akan mempertahankan tetapi kemudiannya dituduh sebagai pembangkang, menceroboh tanah kerajaan dan merusuh.

"Tanah mereka diambil, dirampas dan yang mempertahankan kemudiannya dimasukkan ke dalam penjara," katanya pada Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa Selangor di Taman Botani Negara, di sini, baru-baru ini.

Orang Asal 'menang' di Selangor

Yusri berkata, nasib Orang Asal di Selangor sama sekali berbeza apabila negeri itu ditadbir pemerintahan baru, pada 2008.

Katanya, pencerobohan tanah dan pembalakan haram tidak lagi berlaku di kawasan Orang Asal sejak Kerajaan Negeri bertukar.

"Tanah kami tidak diusik, bahkan Kerajaan Negeri memberi kemenangan kepada Orang Asal di Selangor," katanya.

Festival itu bagi mengiktiraf penglibatan Orang Asal di Malaysia selain memperkenalkan warisan dan budaya pelbagai suku kaum.

Majlis dirasmikan Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong.



Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa tampil keunikan

SHAH ALAM - Keunikan suku kaum Orang Asal di seluruh Malaysia termasuk negara jiran disatukan melalui Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa Selangor, pada 23 Ogos lalu.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata festival itu mendedahkan masyarakat warisan Orang Asal melalui pameran dan program kesenian.

Katanya, ia turut memperkenalkan pelbagai etnik Orang Asal antaranya Temuan, Mah Meri, Jah Hut, Kadazan Dusun dan Igorot dari Filipina.

"Program yang pertama kali dianjurkan ini menggabungkan sebanyak boleh Orang Asal bukan sahaja dari Selangor tetapi seluruh Malaysia dan luar negara.

"Bilangan Orang Asal di Selangor tidak ramai, jadi Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Pelancongan memiliki tanggungjawab untuk menjaga etnik ini," katanya pada majlis pelancaran festival itu.

Pada masa sama, Elizabeth berkata, festival itu berpeluang mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelancongan

berteras warisan, kesenian dan kebudayaan.

Beliau turut menyeru orang ramai supaya memberi sokongan padu terhadap festival itu dan mempelajari budaya Orang Asal yang menjadi antara warisan terpenting di negara ini.

"Kita mahu memberi kesedaran kepada orang ramai berkenaan kepentingan budaya suku kaum ini yang perlu dihargai sempena Tahun Melawat Selangor 2015.

"Mereka adalah sebahagian dari Selangor dan banyak warisan Orang Asal ditemui di sini," katanya.

Kekal hak milik Orang Asal

Lima kampung diwarta

SHAH ALAM - Dianggarkan tidak kurang lima kampung Orang Asal di Kuala Langat dan Sepang akan diwarta Kerajaan Selangor dalam tempoh terdekat.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata tindakan itu bagi mengekalkan hak milik Orang Asal dan tidak lagi dianggap penceroboh.

Katanya, proses mewarta terpaksa mengambil masa panjang ekoran negeri itu memiliki jumlah kampung Orang Asal yang besar.

"Kita ada satu jawatankuasa iaitu Badan Bertindak Tanah Orang Asli Selangor yang diselenggarakan untuk mengenalpasti serta mengukur keluasan tanah Orang Asal.

"Jadi, saya minta semua bersabar kerana kerja mengukur ta-

nah bukan senang mesti menggunakan teknologi terkini," katanya pada Majlis Pelancaran Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa Selangor di Taman Botani Negara, dekat sini, pada 23 Ogos lalu.

Elizabeth berkata, setakat ini lebih 60 kampung Orang Asal sudah dikenalpasti dan sedang menunggu giliran untuk diwartakan.

Katanya, Kerajaan Negeri turut giat mengumpulkan data rizab Orang Asal untuk memastikan isu tanah di negeri itu dapat diselesaikan.

"Pada awal pentadbiran, kita tak jangka banyak kampung Orang Asal belum diwartakan.

"Terbaru, kita sudah mewartakan kira-kira 300 ekar tanah di Pulau Carey dan usaha ini akan diteruskan di perkampungan lain," katanya.



Durakovic gembira pencapaian Red Giants

Persembahkan terbaik musim ini

SHAH ALAM - Selangor gagal muncul juara atau menyamai pencapaian selaku naib juara musim lalu apabila menamatkan saingan Liga Super 2015 di tempat ketiga iaitu berada di belakang Johor Darul Takzim (JDT) dan Pahang.

Bagi Jurulatih Selangor, Mehmet Durakovic, beliau tetap gembira dengan pencapaian dalam saingan liga musim ini yang ditutup dengan kemenangan 2-0 ke atas Perak di Stadium Perak, Ipoh, pada 22 Ogos lalu.

"Saya cukup gembira dengan persembahan pasukan pada perlawanan ini. Pemain beraksi sangat baik, mereka berjaya mengawal permainan dan bukan mudah untuk mencatat kemenangan di Ipoh.

"Jadi, saya ucapkan tahniah kepada semua pemain dan barisan kejurulatihan. Kami dah buat yang terbaik musim ini.

"Bukan mudah untuk menyaingi JDT yang memiliki pemain terbaik dan Pahang yang sudah lama beraksi bersama sebagai satu pasukan," kata Durakovic selepas perlawanan.

Selepas ini, Selangor bakal meneruskan cabaran dalam saingan Piala Malaysia bermula 11 September ini dan Durakovic dengan yakin menyatakan pasukannya mampu melakukan yang terbaik.

"Kami akan cuba yang terbaik dan meneruskan rentak permainan baik dalam beberapa perlawanan terakhir liga ini.

"Saya cukup yakin yang kami akan melakukan terbaik pada kempen Piala Malaysia nanti. Namun, ia bukan tugas mudah dan bergantung kepada keputusan undian, pada 27 Ogos ini," katanya.



Red Giants tumpaskan Perak 2-0 di akhir liga

SHAH ALAM - Selangor berjaya menamatkan saingan Liga Super 2015 di tangga ketiga selepas meraih tiga mata penuh pada perlawanan terakhir dengan menewaskan Perak 2-0 di Stadium Ipoh, Perak.

Kemenangan itu membolehkan Selangor mengumpul 39 mata selepas 22 perlawanan, satu mata berkelebihan berbanding pasukan tangga keempat, Terengganu.

Johor Darul Takzim (JDT) pula berjaya mempertahankan kejuaraan apabila mengumpul 46 mata diikuti pasukan tangga ketiga musim lalu, Pahang yang muncul naib juara dengan 44 mata.

Selangor pernah muncul juara Liga Super dua musim berturut pada 2009 dan 2010, namun sekadar meraih tempat ketiga pada 2011 dan 2012 sebe-

lum memperbaiki pencapaian apabila muncul naib juara dua musim berturut pada 2013 dan 2014.

Laman sesawang FAS melaporkan, Selangor yang memerlukan tiga mata penuh supaya tidak dipintas Terengganu mempertaruhkan kesebelasan utama yang sama kecuali S Veenod mengambil alih tempat Nazmi Faiz Mansor yang digantung akibat kad merah ketika bertemu Kelantan, pada 12 Ogos lalu.

Gol pertama Selangor terhasil pada minit ke-27 menerusi rembatan deras kaki kiri Ahmad Hazwan Bakri dari dalam kotak penalti selepas berlaku keadaan kalam kabut susulan daripada sepakan sudut.

Kedudukan 1-0 itu kekal sehingga berakhir separuh masa pertama.

Bersambung babak kedua, Perak

kendalian Abu Bakar Fadzim hampir menyamakan kedudukan pada minit ke-48 tetapi rembatan ketua pasukan, Nasir Basharudin sekadar menggegarkan palang gol Selangor walaupun Norzalan Razali sudah tertewas.

Selangor sebaliknya bertambah selesa apabila berjaya memperoleh gol kedua pada minit ke-70 menerusi gerakan solo Guilherme De Paula yang mengatasi dua pertahanan Perak sebelum melepaskan rembatan leret dari luar kotak penalti menewaskan Azizon Kadir.

Kedudukan 2-0 itu kekal sehingga wisel penamat untuk memberikan kemenangan ke-11 buat Selangor musim ini dengan baki perlawanan lain menyaksikan skuad kendalian Mehmet Durakovic itu mengalami enam seri dan lima kekalahan.

liga suPEr 2015

#	Pasukan	P	M	S	K	Mt
1	Johor DT	22	14	4	4	46
2	Pahang	22	13	5	4	44
3	Selangor	22	11	6	5	39
4	Terengganu	22	12	2	8	38
5	Felda United	22	10	6	6	36
6	PDRM	22	11	2	9	35
7	Lions XII	22	9	6	7	33
8	Perak	22	8	4	10	28
	Kelantan	22	8	4	10	28
	Sarawak	22	4	7	11	19
	ATM	22	2	5	15	11
	Sime Darby FC	22	1	7	14	10

Keputusan penuh



Jet Sport Tasik Biru Kundang tawar RM30,200

SHAH ALAM - Pemenang Kejohanan '7th Kundang Jet Sport Challenge 2015' anjuran Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan kerjasama Tourism Selangor dan Persatuan Jetski dan Sukan Air Selangor (PJSAS) bakal membawa pulang RM30,200.

Pengarah Jabatan Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad, berkata penganjuran program sukan permotoran air itu diadakan selama tiga hari di Tasik Biru Kundang, Kuang, bermula 28 hingga 30 Ogos ini.

"Terdapat enam kategori dipertandingkan iaitu runabout 4 stroke open, runabout 2 stroke open, GP Sport Class, runabout 4 stroke stock, runabout 4 stroke novice dan Ski Class.

"Selain wang tunai, pemenang turut menerima trofi dan sijil penghargaan," katanya dalam kenyataan media.

Selain itu, MPS juga mengadakan pertandingan warna dan cabutan bertuah sebagai acara selingan bagi memeriahkan lagi program berkenaan.

Orang ramai dijemput hadir menyertai ke kejohanan itu dan keterangan lanjut boleh diperolehi di talian 03-61265810.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
28 OGOS - 4 SEPTEMBER 2015							
13 - 20 ZULKAEDA 1436H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Jumaat	5:42	5:52	7:09	1:17	4:28	7:22	8:32
29 Sabtu	5:42	5:52	7:09	1:17	4:27	7:22	8:32
30 Ahad	5:42	5:52	7:09	1:17	4:26	7:22	8:31
31 Isnin	5:42	5:52	7:09	1:17	4:25	7:21	8:31
01 Selasa	5:42	5:52	7:09	1:16	4:24	7:21	8:30
02 Rabu	5:42	5:52	7:08	1:16	4:23	7:20	8:30
03 Khamis	5:41	5:51	7:08	1:16	4:22	7:20	8:29
04 Jumaat	5:41	5:51	7:08	1:15	4:21	7:19	8:29
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Jumaat	5:44	5:54	7:11	1:19	4:30	7:24	8:34
29 Sabtu	5:44	5:54	7:11	1:19	4:29	7:24	8:34
30 Ahad	5:44	5:54	7:11	1:19	4:28	7:24	8:33
31 Isnin	5:44	5:54	7:11	1:19	4:27	7:23	8:33
01 Selasa	5:44	5:54	7:11	1:18	4:26	7:23	8:32
02 Rabu	5:43	5:53	7:10	1:18	4:25	7:22	8:32
03 Khamis	5:43	5:53	7:10	1:18	4:24	7:22	8:31
04 Jumaat	5:43	5:53	7:10	1:17	4:23	7:21	8:31

Pengurus Red Giants yakin lebih cemerlang

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Pengurus Red Giants, Amirudin Shari berazam membawa pasukan bola sepak yang pernah muncul juara Liga Super beberapa kali itu ke tahap membanggakan musim hadapan.

Amirudin yakin Red Giants mampu memperoleh kemenangan di kedudukan lebih baik dalam saingan Liga Super ekoran komitmen tinggi yang dipamerkan.

"Alhamdulillah, walaupun Red Giants sepatutnya berada di kedudukan lebih baik. Tahniah pasukan dan penyokong setia, terima kasih semua! Teruskan sokongan anda," katanya melalui status Facebook.

Amirudin yang juga Exco Sukan negeri berkata demikian merujuk kepada pencapaian Red Giants yang berjaya menamatkan saingan Liga Super 2015 di tangga ketiga selepas meraih mata penuh pada perlawanan terakhir menewaskan Perak 2-0 di Stadium Perak, Ipoh, pada 22



Red Giants mampu memperoleh kemenangan di kedudukan lebih baik dalam saingan Liga Super ekoran komitmen tinggi yang dipamerkan

AMIRUDIN SHARI
Pengurus Red Giants

Ogos lalu.

Selangor pernah muncul juara Liga Super dua musim berturut pada 2009 dan 2010, namun sekadar meraih tempat ketiga pada 2011 dan 2012 sebelum memperbaiki pencapaian apabila muncul naib juara dua musim, pada 2013 dan 2014.

Reaksi orang awam pada status terbabit ramai memberi sokongan kuat kepada pasukan dan berharap Amirudin mampu



membentuk Red Giants sebagai pasukan juara.

Kerol Kechiq dalam reaksinya mencadangkan perlawanan persahabatan diadakan lebih kerap bersama pasukan kelas A bagi memperkemas dan mempersiapkan pasukan ke pentas final Piala Malaysia.

"Tahniah YB!!! Kekalkan momentum dari segi corak permainan game dua terakhir liga super nampak keserasian..nampak last minit Selangor baru panas.

"So kekal rentak sehingga ke saingan Piala Malaysia bermu-

la dengan atur *friendly* kelas A, tidak mustahil Selangor bakal ke pentas final Piala Malaysia," katanya.

Sementara itu, Fun Ho pula berharap Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) pada musim hadapan membuka ruang lebih luas kepada anak jati negeri itu bermain dan berbakti untuk Red Giants.

"Harap musim depan pasukan Selangor dapat memberi peluang ramai bintang muda dari Selangor main pasukan utama," katanya.

Bagi Faiz Faizal pula, dia berharap kebajikan dan kemudahan pasukan dapat dijaga sebaiknya dalam keghairahan mencipta kejuaan.

"Tahniah YB dan Pasukan Selangor. Team yang konsisten dari 2009 hingga sekarang sentiasa tiga teratas.

"Diharap YB jaga kebajikan pemain dan kemudahan pasukan sebaik mungkin. Jumpa sesi depan," katanya.



Gambar oleh Remy Ariffin

MERIAH... Aksi peserta Pertandingan Memancing Tradisional di Kampung Parit 12, Sungai Panjang, Sabak Bernam, pada 23 Ogos lalu. Penyertaan amat menggalakkan apabila 784 peserta bertanding merebut hadiah utama iaitu sebuah motosikal.